

DARIPADA Ibn Umar Radiallahuanha, beliau berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memegang belakang beliau lalu bersabda : “Jadilah engkau di dunia ini seakan-akan orang asing atau pengembara”. Lalu Ibn Umar Radiallahuanha berkata : “Jika engkau telah berada pada waktu petang, maka janganlah dinantikan waktu pagi. Jika engkau berada pada waktu pagi, maka janganlah dinantikan waktu petang. Pergunakanlah waktu sihatmu sebelum waktu sakit dan waktu hidup sebelum mati”.

- (Hadis Riwayat al-Bukhari)

## BERKENAN UCAPKAN SELAMAT BERANGKAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei.  
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam pagi tadi berkenan berangkat ke The Empire Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

Sebelum baginda berdua berangkat ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

## Kebawah DYMM akan adakan Keberangkatan Negara ke Republik Demokratik Timor-Leste

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 18 Mei.  
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Keberangkatan Negara ke Republik Demokratik Timor-Leste pada 20 Mei 2024 atas undangan Presiden Republik

Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta.

Semasa di Dili, Timor-Leste nanti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan berangkat menghadiri Upacara Memperingati Ulang Tahun Hari Kemerdekaan Republik Demokratik Timor-

■ **Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**  
Leste Ke-22 serta mengadakan perjumpaan dua hala secara berasingan bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Demokratik Timor-Leste dan Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão.

>> **Muka 2**

## Pelantikan Ahli Majlis Mesyuarat Diraja

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei.  
- Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, inilah dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sukacita melantik Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Diraja mulai hari Khamis, 7 Zulkaedah 1445 bersamaan 16 Mei 2024.



## Berita Utama



**PASTIKAN** acara teratur, pupuk semangat cintakan agama, raja

**Muka 5**



**WUJUDKAN** persekitaran lestari, kurangkan jejak karbon

**Muka 8**



**PAMERAN** cerminkan pemikiran inovatif pelajar

**Muka 12**



**MELESTARIKAN** khazanah negara

**Muka 20**



# KEBAWAH DYMM AKAN ADAKAN KEBERANGKATAN NEGARA KE REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta bersalaman sejeurus selepas mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala sempena Lawatan Negara Tuan Yang Terutama Presiden Republik Demokratik Timor-Leste ke Negara Brunei Darussalam pada 6 November 2023 (kiri). Manakala gambar kanan, baginda berkenan mengadakan Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmão pada 5 September 2023 sempena keberangkatan baginda ke Jakarta, Indonesia bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-43 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan.

## >> Muka 1

Keberangkatan Negara ini merupakan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam buat julung kalinya ke Republik Demokratik Timor-Leste. Hubungan diplomatik telah ditubuhkan pada 20 Mei 2002 dan kedua-dua buah negara menikmati jalinan persahabatan dan hubungan kerjasama dua hala yang baik dalam bidang pendidikan dan pertukaran antara rakyat.

## Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Jabatan Penerangan

Keberangkatan ini akan memberikan peluang kepada kedua-dua pemimpin untuk membincangkan mengenai hubungan dua hala serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

| WAKTU SEMBAHYANG |        |                  |       |       |        |      |       |      |         |       |
|------------------|--------|------------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| Mei MASIHI       | HARI   | Zulkaedah HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
| 18               | SABTU  | 9                | 4.34  | 4.44  | 6.06   | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27    | 7.41  |
| 19               | AHAD   | 10               | 4.33  | 4.43  | 6.06   | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27    | 7.41  |
| 20               | ISNIN  | 11               | 4.33  | 4.43  | 6.06   | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.28    | 7.42  |
| 21               | SELASA | 12               | 4.33  | 4.43  | 6.06   | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.28    | 7.42  |
| 22               | RABU   | 13               | 4.33  | 4.43  | 6.06   | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.28    | 7.42  |
| 23               | KHAMIS | 14               | 4.33  | 4.43  | 6.06   | 6.30 | 12.18 | 3.42 | 6.28    | 7.42  |
| 24               | JUMAAT | 15               | 4.33  | 4.43  | 6.06   | 6.30 | 12.18 | 3.42 | 6.28    | 7.43  |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

| RAMALAN CUACA 3 HARI |                |                |  |
|----------------------|----------------|----------------|--|
| SABTU                | AHAD           | ISNIN          |  |
| Bandar Seri Begawan  |                |                |  |
| 32<br>25<br>°C       | 33<br>25<br>°C | 33<br>25<br>°C |  |
| Pekan Bangar         |                |                |  |
| 32<br>25<br>°C       | 33<br>25<br>°C | 32<br>25<br>°C |  |
| Pekan Tutong         |                |                |  |
| 32<br>25<br>°C       | 33<br>25<br>°C | 33<br>25<br>°C |  |
| Kuala Belait         |                |                |  |
| 32<br>25<br>°C       | 33<br>25<br>°C | 33<br>25<br>°C |  |

Wallahuallam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

18 MEI 2024

### Penjagaan kesihatan bermula daripada penjagaan pemakanan

**A**MALAN menjaga pemakanan dan pengambilan makanan sihat dan seimbang dari segi nutrisi mempunyai banyak faedah. Antaranya ialah ia boleh membantu membina tulang yang kuat, melindungi jantung, mencegah penyakit dan boleh menyumbang kepada peningkatan kesihatan mental. Pengambilan makanan sihat dan seimbang bermakna kita akan mengambil makanan yang padat nutrisi daripada semua kumpulan makanan utama, termasuk protein tanpa lemak, bijirin, lemak sihat, buah-buahan dan sayur-sayuran. Menjaga pemakanan juga bermakna kita akan cuba menggantikan makanan kurang sihat kepada pilihan makanan yang lebih sihat dan mengelak atau menghadkan pengambilan makanan yang mengandungi lemak trans, garam tambahan dan gula.

Apa yang kita makan dan minum boleh memberi impak yang besar kepada badan dan kesihatan kita. Oleh itu, adalah penting untuk kita berusaha untuk menjaga pemakanan dan mengingati orang-orang kita sayangi akan kepentingan menjaga pemakanan dan mengamalkan pemakanan sihat. Amalan menjaga pemakanan memang diketahui boleh mencegah penyakit dan juga boleh mengurangkan risiko penyakit kronik seperti penyakit jantung, kencing manis dan beberapa jenis kanser. Amalan menjaga pemakanan dapat menyokong fungsi imun badan kita. Selain itu, ia juga boleh membantu fungsi sistem penghadaman, membantu mengekalkan berat badan yang sihat dan juga membantu menguatkan tulang dan gigi. Pemakanan sihat juga menyumbang kepada pembaikan otot dan meningkatkan tahap tenaga serta menyokong fungsi otak, kesihatan otak dan rutin tidur yang sihat.

Pemakanan kurang sihat adalah apabila kita tidak mendapat nutrisi yang mencukupi dari makanan kita. Ini boleh berlaku atas beberapa sebab, seperti tidak mengikuti pelan pemakanan yang mengandungi pelbagai jenis makanan berkhasiat atau pengambilan berlebihan makanan yang mengandungi lemak tepu, garam dan gula. Pemakanan kurang sihat tidak semestinya disebabkan makan berlebihan ia juga boleh terjadi apabila tidak cukup makan makanan yang sihat atau kurang makan secara menyeluruh. Antara kesan-kesan pemakanan tidak sihat ialah ia boleh membawa kepada obesiti atau berat badan berlebihan. Apabila kita mengalami berat badan berlebihan ini boleh membawa kepada penyakit lain seperti penyakit jantung, kencing manis dan penyakit buah pinggang. Selain itu, apabila kita tidak menghiraukan pemakanan kita dan terus mengambil makanan kurang sihat ini juga boleh menyebabkan kolesterol tinggi dan tekanan darah tinggi yang boleh membawa kepada strok dan risiko kesihatan yang lain.

- Ketua Penyuntingan (Nr)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منترى دان دجيتق اوله قرين قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



# Berkenan terima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Hungary



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Hernie Suliana Haji Othman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Hungary, Tuan Yang Terutama Péter Szijjártó (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Hungary, Tuan Yang Terutama Péter Szijjártó menekankan kembali mengenai komitmen masing-masing dalam mengukuhkan ikatan persahabatan yang sedia ada sejak penubuhan hubungan diplomatik pada 1992. Semasa Majlis Mengadap tersebut petang tadi, kedua-dua

belah pihak juga turut menyentuh mengenai perkara-perkara yang berkepentingan bersama untuk membangunkan kerjasama dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Hungary seperti kerjasama di bawah bidang pendidikan, khususnya Memorandum Persefahaman (MoU) on Stipendium Hungaricum Scholarship antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Hungary yang telah ditandatangani pada 16 Mei 2024. Majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini juga turut membincangkan ke arah mengukuhkan lagi kerjasama

melalui Hubungan Dialog ASEAN-EU. Menyertai Tuan Yang Terutama semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Hungary ke NBD yang menetap di Singapura, Puan Yang Terutama Judit Pach. Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof. Majlis Mengadap tersebut merupakan salah satu program Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Hungary, Tuan Yang Terutama Péter Szijjártó berserta rombongan yang dalam rangka Lawatan Rasmi ke negara ini.

# BERANGKAT MENGALU-ALUKAN KEBERANGKATAN TIBA KEBAWAH DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN IBRAHIM



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengalu-alukan berangkat tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghoskan Majlis Santap Malam di Istana Darul Hana. Turut berangkat ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abbas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang ini berkenan berangkat ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi

mengalu-alukan berangkat tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim. Pada sebelah malam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam berkenan menghoskan Majlis Santap Malam di Istana Darul Hana sempena keberangkatan Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke negara ini. Turut sama berangkat ke Majlis Santap Malam tersebut ialah

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.



# Berkenan hantar titah perutusan tahniah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei.  
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Lawrence Wong berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Singapura yang Ke-4.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Lawrence Wong.

# PIALA CABARAN GOLF WANITA BORNEO KE-22 LABUH TIRAI



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman selaku Penaung Diraja Persatuan Golf Wanita Brunei (BLGA) berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah dan dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas dan kiri).**

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei. - Piala Cabaran Golf Wanita Borneo Kali Ke-22 Tahun 2024 melabuhkan tirainya malam tadi dengan Majlis Penyampaian Hadiah yang berlangsung di J Hotel, Kiulap, di sini.

Berkenan berangkat ke majlis berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman selaku Penaung Diraja Persatuan Golf Wanita Brunei (BLGA).

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Presiden BLGA, Sarinah Masri selaku Pengerusi Penganjur Piala Cabaran Golf Wanita Borneo Kali Ke-22 Tahun 2024.

Kejohanan yang disertai oleh seramai 88 peserta itu diadakan selama dua hari iaitu pada 15 dan 16 Mei di Kelab Golf Pantai Mentiri.

Pada majlis tersebut, Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan hadiah kepada johan Kategori Team Event Nett 18 Holes yang disandang oleh Pasukan Brunei dengan mendapat

markah 273.

Naib johan diraih oleh Pasukan Sabah dengan mendapat markah 286, diikuti tempat ketiga, Pasukan Sarawak yang mendapat markah 299.

Manakala Pasukan Labuan meraih tempat keempat dengan markah 324.

Terdahulu, Presiden BLGA menyampaikan hadiah kepada pemenang Kategori Guest, Any Irani Prilasmiharti dan Kategori Terbuka Individu 18 Holes Nett, Hajah Rusni Lamat dari Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kapten Pasukan Sarawak, Amy Jane Toynbee kemudian menyampaikan hadiah kepada pemenang Kategori Super Senior 18 Holes Gross (umur 70 tahun ke atas) dan Super Senior 18 Holes Nett yang masing-masing dinobatkan kepada Joan Chin dari NBD dan Boon Kim Theen dari Sarawak.

Pemenang bagi Kategori Senior 18 Holes Gross (umur 55 hingga 69 tahun) dan Senior Holes Nett pula masing-masing disandang oleh Ahdiah Rasmin dari Sabah dan Chong Kui Kee dari Sarawak.

Hadiah bagi kedua-dua kategori berkenaan disampaikan oleh Kapten Pasukan Labuan, Telwant

Kaur.

Sementara itu, Kapten Pasukan Sabah, Datin Dr. Jeanette Tambakau menyampaikan hadiah kepada pemenang Kategori Terbuka Individu 18 Holes Gross, Agnes Dela Cruz dari NBD.

Pada majlis tersebut, YTM juga berkenan menerima pesambah yang disampaikan oleh Presiden BLGA.

Dalam sembah alu-aluannya, Presiden BLGA antara lain

menyembahkan bahawa kali terakhir NBD menjadi tuan rumah bagi kejohanan tersebut adalah pada tahun 2014 di Royal Brunei Golf and Country Club.

Beliau juga antara lain menyembahkan, tahun ini merupakan kali kedua pemain-pemain golf dari Kalimantan mengambil bahagian dalam kejohanan berkenaan.

Piala Cabaran Golf Wanita Borneo merupakan kejohanan

tahunan yang pertama kali diperkenalkan pada tahun 1991 di Sabah.

Tahun ini merupakan kali kelima NBD menjadi tuan rumah bagi kejohanan tersebut yang menyediakan platform bagi pemain-pemain golf wanita di Borneo untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama, di samping mengukuhkan hubungan menerusi semangat kesukanan serta bersaing secara sihat.



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah semasa berangkat ke majlis berkenaan.**



# PASTIKAN ACARA TERATUR, PUPUK SEMANGAT CINTAKAN AGAMA, RAJA



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah telah diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah.

Turut berangkat dan hadir ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Ketua Hakim Syariah, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Dalam mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menggariskan, Negara Brunei Darussalam adalah negara yang mendukung dan menampilkan dirinya sebagai negara Islam dengan penduduknya yang komited kepada ajaran agama Islam, malah Negara Brunei Darussalam juga dikenali sebagai Negara Zikir yang di dalamnya ada perlembagaan, undang-undang serta adat-istiadatnya.

Agenda mesyuarat adalah bagi membincangkan format dan tema sambutan, tarikh, tempat mengadakan majlis, pengisian atur cara serta perkara-perkara yang berhubung kait dengan Sambutan Majlis Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan sepanjang Tahun 1446 Hijrah.

Mesyuarat juga membincangkan Pengendali-pengendali Bersama setiap majlis. Adalah menjadi harapan pihak Jawatankuasa agar Sambutan Majlis Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan sepanjang Tahun 1446 Hijrah dikendalikan dengan lebih teratur dan sempurna dan sambutan diisi dengan acara bermanfaat yang boleh mengasuh serta memupuk semangat cintakan Allah, cintakan Rasul, cintakan agama dan raja dalam kalangan seluruh rakyat dan penduduk.

Selain itu, ia dapat menambahkan lagi keimanan kepada umat Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam.

## Pembarigaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2024

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa borang pencalonan bagi Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2024 bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024 kini boleh didapati melalui pautan <http://tiny.cc/AHBK2024>.

Tatacara memohon serta maklumat lanjut juga boleh diperoleh melalui pautan <https://tinyurl.com/Infopek-AHBK-2024> dan portal Anugerah Hari Belia Kebangsaan di <http://www.belia-sukan.gov.bn>.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh KKBS di sini, hari ini, kategori anugerah pada tahun ini dibahagikan kepada empat iaitu Anugerah Belia Cemerlang (BC) di mana merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada seorang belia yang telah memberikan sumbangan jasa yang cemerlang dalam apa jua bidang diceburi atau memperlihatkan usaha-usaha yang membuahkan hasil membanggakan dan mengharumkan nama negara.

Pencapaian cemerlang yang diperoleh pada peringkat antarabangsa merupakan satu keutamaan, selain di peringkat serantau dan kebangsaan pula adalah satu kelebihan dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kesukanan, pendidikan, keusahawanan, sains, teknologi, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.

Sementara itu, Anugerah Belia Berkhidmat (BB) merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada seorang belia yang bergiat aktif dan memberikan sumbangan serta khidmat secara sukarela dan berterusan kepada masyarakat di

negara ini dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kesukanan, pendidikan, keusahawanan, sains, teknologi, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.

Anugerah Pemimpin Muda Belia (PMB) merupakan satu pengiktirafan atas khidmat cemerlang yang telah diberikan oleh seorang pemimpin muda dalam memajukan organisasi yang telah dipimpinnya secara berterusan dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kemasyarakatan, pendidikan, keusahawanan, alam sekitar, teknologi, kesukanan dan sebagainya. Sebagai penghormatan yang berterusan bagi ikutan dalam melahirkan pemimpin belia yang berwibawa, berwawasan dan berhemah tinggi.

Manakala Anugerah Projek Cemerlang Untuk Belia dibahagikan kepada tiga iaitu Projek Cemerlang Untuk Belia Bidang Sosial Ekonomi (PCUBSE) melibatkan kepada sumbangan dalam pembangunan belia dan mempelbagaikan ekonomi negara serta kesukarelawan; Projek Cemerlang Untuk Belia Bidang Gaya Hidup Sihat (PCUBGHS) menjurus kepada mempromosikan kesihatan dan sukan riadah dalam pemerkasaan, penjagaan kesihatan kepada masyarakat di negara ini dan Projek Cemerlang Untuk Belia Bidang Seni dan Kebudayaan (PUCBSK) pula lebih kepada mengekalkan identiti dan ideologi sesebuah masyarakat serta mempertingkatkan pembangunan dan perkembangan bidang seni dan kebudayaan.

Syarat-syarat permohonan bagi semua kategori anugerah adalah pencalonan adalah terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap, (hanya pemegang passport Negara

Brunei Darussalam sahaja), lelaki atau perempuan terdiri daripada belia perseorangan atau belia-belia yang terlibat dalam mana-mana organisasi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Seterusnya berumur antara 15 hingga 35 tahun (tidak lebih daripada 35 tahun pada 1 Ogos 2023) bagi Kategori PCUB / BC / BB sahaja; berumur antara 15 hingga 35 tahun (tidak lebih daripada 35 tahun pada 1 Ogos 2024) bagi Kategori PCUB/BC/BB sahaja dan berumur antara 15 hingga 45 tahun (tidak lebih daripada 45 tahun pada 1 Ogos 2024) bagi Kategori PMB sahaja.

Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu kategori sahaja (BC/BB/PMB); belum pernah menerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan bagi kategori yang sama; borang sokongan dan pengesahan daripada mana-mana pihak atau individu yang dapat memberikan pengesahan mengenai apa-apa yang berkaitan dengan pemohon / calon; menyertakan penilaian prestasi kerja tiga tahun kebelakangan bagi yang berkenaan dan mengisi borang pendaftaran dengan lengkap, menyertakan dokumen dan video yang dikehendaki.

Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut syarat-syarat penyertaan tidak akan dipertimbangkan. Tarikh tutup pendaftaran ialah pada Khamis, 6 Jun 2024 pukul 3.00 petang.

Anugerah Hari Belia Kebangsaan merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan negara kepada pergerakan belia di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama menyahut titah serta hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menjadikan belia suatu aset yang perlu diberi fokus dan dihargai.

Ini membuktikan bahawa golongan belia tidak pernah diabaikan oleh pihak kerajaan

dan sentiasa diberi perhatian penuh dalam pembangunan belia. Penyediaan kemudahan dan prasarana merupakan bukti kesejahteraan dan kehendak belia terpelihara.

Pengiktirafan ini adalah merupakan sebagai satu wadah dan manifestasi dalam mendukung usaha golongan belia dalam membangun dan mengekalkan semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat.

Penglibatan belia secara sukarela

telah disentuh oleh Kebawah DYMM dalam titah sempena Sambutan Hari Belia Kali Pertama pada 1 Ogos 2006. Sebarang pertanyaan mengenai anugerah tersebut bolehlah menghubungi Urus Setia Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2024, JBS di alamat Bilik Sekretariat, Bangunan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas atau menerusi talian +673 2381903 / 4 / 5 sambungan 1300 / 1304 semasa waktu pejabat atau e-mel [ahbk@belia-sukan.gov.bn](mailto:ahbk@belia-sukan.gov.bn).

سمبوتن هاري  
بليا كبڤساان

SAMBUTAN  
HARI BELIA KEBANGSAAN  
KE-19, 2024

**PENCALONAN  
PEMENANG ANUGERAH  
HARI BELIA KEBANGSAAN**

Sila mendaftar melalui pautan:  
**<http://tiny.cc/AHBK2024>**

Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui  
laman sesawang [www.belia-sukan.gov.bn](http://www.belia-sukan.gov.bn)

Tarikh Tutup :  
Hari Khamis  
**29 Zulkaedah 1445  
6 Jun 2024**

Sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi  
Urus Setia Anugerah Hari Belia Kebangsaan di  
talian 2381903 sambungan 1300 / 1304 / 1318



# Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan hormat



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Mei. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, hari ini telah menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah. Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak menghargai persahabatan yang telah terjalin sejak lama dan kerjasama baik yang telah dinikmati oleh kedua-

dua buah negara, terutamanya dalam bidang perdagangan, pendidikan, pertahanan, sukan, dan dalam bidang-bidang yang lain.

Sepanjang tempoh perkhidmatan Tuan Yang Terutama, banyak lawatan di peringkat tinggi dan usaha telah dibuat untuk terus memperkukuh hubungan kedua-dua belah pihak.

TYT juga turut mengucapkan terima kasih kepada negara atas segala bantuan yang telah diberikan di sepanjang tempoh perkhidmatannya dalam merealisasikan semua komitmen dan usaha dalam memajukan dan memperkukuh perhubungan antara kedua-dua buah negara.

Kedua-dua belah pihak berharap agar kedua-dua buah negara terus mengekalkan hubungan baik dan dapat mengembangkan lagi kerjasama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN mengucapkan tahniah kepada TYT atas kejayaannya menjalankan tugas-tugasnya sepanjang tempoh perkhidmatannya.

**YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN)** menerima kunjungan hormat daripada **Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.**

## KEMENTERIAN KESIHATAN, GLENEAGLES JPMC SEPAKAT MENDUKUNG GAYA HIDUP SIHAT



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan** hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU tersebut (atas kanan), manakala gambar atas kiri, Yang Berhormat semasa menyaksikan pameran.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**JERUDONG,** Rabu, 15 Mei. - Selama enam tahun berturut-turut, Gleneagles JPMC dan Kementerian Kesihatan terus mengukuhkan perkongsian awam-swasta kedua-dua belah pihak melalui Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bagi persembahkan program gaya hidup sihat termasuk Program Workplace and Health (WAH), Happy Environment And Lifestyle (HEAL), Program Growing, Learning, Optimizing Towards Better Well-Being in Schools Programme (GLOW) dan lain-lain program berkaitan gaya hidup kesihatan.

Majlis Penandatanganan MoU berlangsung di Tarindak D'Pollo, di sini.

Hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Menandatangani perjanjian bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif dan menandatangani bagi pihak Gleneagles JPMC, Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay.

Penandatanganan MoU turut disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Promosi Kesihatan, Awang Mohammad Firdey Hazarullah bin Haji Md. Zain dan Ketua Pegawai Operasi Gleneagles JPMC, Awang 'Izzul Hamzi bin Haji Jomari.

Dengan penandatanganan MoU berkenaan, sumbangan berjumlah BND250,000 telah disampaikan oleh Dr. Peter Tay bagi pihak Gleneagles JPMC kepada Dr. Hajah Rafidah yang akan digunakan untuk membiayai program.

Terlebih dahulu dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Peter Tay menekankan bahawa sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporatnya, Gleneagles JPMC begitu kukuh dengan sokongannya untuk menggalakkan gaya hidup sihat.

"Kami percaya bahawa penjagaan kesihatan merupakan

tunggak asas masyarakat yang berkembang maju.

"Misi kami telah dilanjutkan selain menyediakan perkhidmatan perubatan yang luar biasa kepada pesakit kami dan kami juga amat komited memberi sumbangan kepada kesihatan dan kesejahteraan secara keseluruhan negara kita," terangnya.

Di bawah Program WAH, sejak program ini bermula pada 2019, seramai lebih daripada 25,000 penjawat awam mengambil bahagian dalam pemeriksaan kesihatan.

Selain itu, sebanyak 717 sesi latihan dihasilkan di semua kementerian dan seramai empat kementerian telah menyelesaikan program penurunan berat badan dipanggil Fit & Active Lifestyle Club (FALC), di mana pada akhir program, seramai 35 peserta (10.5 peratus) mencapai lebih daripada lima peratus penurunan berat badan dan 48 peserta lain (14.5 peratus) bertambah kurang daripada lima peratus penurunan berat badan.

Pemenang terbaik adalah peserta wanita yang menurun sebanyak 21.5 peratus daripada berat badannya, manakala peserta lelaki menurun sebanyak 16.8 peratus daripada berat badannya.

Sebanyak 24 pameran laman sesawang Program WAH ([whp.gov.bn](http://whp.gov.bn)) telah dijalankan di sektor

kerajaan dan swasta.

Kira-kira 3,000 peserta yang didaftarkan di dalam talian mengikuti kursus gaya hidup yang sihat dan sebanyak 1,142 modul telah diselesaikan oleh para peserta.

Juga terdapat rancangan berterusan untuk memperbaiki laman sesawang dan akan disediakan untuk orang ramai bagi menggalakkan gaya hidup sihat dan meningkatkan pengetahuan serta kecekapan dalam promosi kesihatan dan pencegahan penyakit tidak berjangkit.

Sementara itu, Program HEAL yang telah ditubuhkan pada tahun 2022 itu menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan dalam masyarakat.

Sejak 2023, program tersebut telah memberi tumpuan mengenai memperkasa masyarakat melalui pendidikan, kesedaran, dan aktiviti berkaitan kesihatan, berusaha mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih sihat dan bahagia.

HEAL telah berjaya menjalankan tujuh daripada 10 acara kesihatan, melibatkan seramai 1,599 peserta.

Di samping itu, untuk mengembangkan jangkauan perkongsian dan termasuk penonton sasaran yang lebih luas, iaitu Program GLOW telah diperkenalkan tahun lepas.

GLOW ialah inisiatif Sekolah Promosi Kesihatan dengan dua objektif yang memberi kuasa kepada sekolah-sekolah untuk melaksanakan inisiatif sekolah yang komprehensif dan memberi pengiktirafan kepada usaha mereka dalam menggalakkan kesihatan kepada masyarakat sekolah.

Program tersebut telah dipandu di empat buah sekolah rendah swasta dan dua buah sekolah menengah swasta.

Semua enam sekolah telah dianugerahkan semasa majlis anugerah yang diadakan pada 27 November 2023.

Program GLOW ditetapkan untuk melanjutkan jangkauannya kepada sekolah-sekolah kerajaan serta sekolah swasta lain pada masa hadapan.

Bagi Program Gaya Hidup Kesihatan yang lain, ia akan meliputi beberapa projek.

Selain itu, bagi menggalakkan makan yang sihat, program pengurangan garam telah diperkenalkan.

Perjanjian menggariskan komitmen kedua-dua pihak dalam terus mengukuhkan dan menyelaras usaha sedia ada dan baharu untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan akhirnya, mencegah dan kawalan penyakit tidak berjangkit di Negara Brunei Darussalam.



# MAJLIS JIWA MURNI RAIKAN BAKAL JEMAAH HAJI



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Jiwa Murni yang berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada bakal-bakal jemaah haji lelaki (atas dan kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BOLKIAH GARISON**, Jumaat, 17 Mei. - Kementerian Pertahanan telah mengadakan Majlis Jiwa Murni iaitu majlis bagi penyampaian sumbangan untuk 55 bakal-bakal jemaah haji Kementerian Pertahanan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang terdiri daripada sembilan anggota tentera dalam perkhidmatan dan 30 pesara tentera, manakala sembilan kakitangan awam dalam perkhidmatan dan tujuh pesara awam, hari ini.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada bakal-bakal jemaah haji lelaki yang berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri

Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof manakala isteri Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili pula menyampaikan sumbangan kepada bakal-bakal jemaah haji perempuan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan isteri; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; peringkat kepimpinan Kementerian Pertahanan dan ABDB bersama pasangan masing-masing serta pegawai-pegawai dan anggota-anggota Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis turut diisikan dengan

penyampaian tazkirah bertajuk, 'Meraih Haji Yang Mabru' yang disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Muhammad Nasyith bin Superi.

Antara inti pati tazkirah yang telah disampaikan adalah untuk bakal-bakal jemaah haji membuat persiapan dari segi kerohanian, kesihatan dan kewangan sambil menghindari sifat-sifat mazmumah yang dapat menjauhkan mereka daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan itu, mereka boleh mengerjakan ibadah haji dengan hati yang suci dengan satu tujuan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan menjunjung sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, "Haji yang mabrur tiada ganjarannya yang sesuai melainkan syurga". (Hadis Riwayat Tabrani).

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Sunat Hajat

Berjemaah dan Doa Selamat bagi bakal jemaah haji bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar kesemua bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam dan khususnya di

Kementerian Pertahanan mendapat perlindungan, keselamatan, dipermudahkan segala urusan dan sentiasa dalam keadaan sihat serta memperoleh haji yang mabrur.



**ISTERI** Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan sumbangan kepada bakal jemaah haji perempuan.

## Doa Selamat bagi bakal jemaah haji Kementerian Pembangunan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 Mei. - Seramai 37 bakal jemaah haji dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat Bakal Jemaah Haji 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian

Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap,

**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat Bakal Jemaah Haji 1445 Hijrah / 2024 dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada penerima (kiri dan kanan).

ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan serta kakitangan Kementerian Pembangunan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian ceramah bertajuk, 'Meraih Haji Yang Mabru', yang disampaikan oleh penceramah undangan daripada Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi. Kemudian, majlis menyaksikan tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada bakal-bakal jemaah haji.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Tanah itu diadakan bertujuan bagi memohon keberkatan



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan**

daripada Allah Subhanahu Wata'ala supaya semua bakal jemaah haji Kementerian Pembangunan akan mendapat perlindungan, keselamatan, dipermudahkan segala urusan serta sentiasa dalam keadaan sihat dan memperoleh haji

yang mabrur serta meningkatkan semangat beramal ibadat.

Ceramah juga diisikan dengan peringatan-peringatan yang perlu diraih dan mengenai perkara yang dilarang dibuat semasa berada di Tanah Suci.



## WUJUDKAN PERSEKITARAN LESTARI, KURANGKAN JEJAK KARBON



**YANG** Berhormat Menteri Pembangunan semasa bergambar ramai dan seterusnya merasmikan sesi penanaman pokok (kanan dan atas).

**BERAKAS**, Khamis, 16 Mei. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) mengadakan Inisiatif Projek Penghutan Semula Ke-7 dengan penanaman 500 pohon pokok yang merentasi 1,125 meter persegi di Hutan Simpan Berakas.

Inisiatif ini sejajar dengan inisiatif syarikat tersebut dalam komitmen mereka untuk mengurangkan jejak karbonnya, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mewujudkan persekitaran yang mampan dan menyumbang kepada matlamat global Carbon Net Zero.

Inisiatif itu juga dianjurkan dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), yang menaja 200 daripada jumlah pokok yang ditanam. Kerjasama itu menggariskan visi bersama antara Hengyi Industries dan BIBD untuk mempromosikan kelestarian alam sekitar di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pembangunan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd Hanifah; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo; Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri; Pemangku Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran) Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Hajah Joanna binti Haji Yacob dan Pemangku Pengetua Politeknik Brunei (PB), Awang Haji Md. Jaafar bin Haji Johari.

Acara dimulakan dengan taklimat ringkas tentang kepentingan penghutan semula yang disampaikan oleh pihak Jabatan Perhutanan kepada sukarelawan UBD, PB, dan Institut Pendidikan



**Oleh :** Nooratini Haji Abas

**Foto :** Hernie Suliana Haji Othman

Teknikal Brunei (IBTE) yang sedang menjalani latihan di Hengyi Industries dan seterusnya taklimat keselamatan.

Ini diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan kemudian disusuli dengan ucapan pembukaan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Hengyi Industries, Chen Lian Cai yang dalam ucapannya antara lain mengalu-alukan ucapan selamat datang kepada tetamu dan sukarelawan dan sesi bergambar ramai.

Sejurus selepas itu diteruskan dengan perasmian sesi penanaman pokok oleh tetamu kehormat majlis bersama Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke

NBD; Ketua Pegawai Eksekutif Hengyi Industries; dan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD.

Kira-kira 100 sukarelawan yang terdiri daripada pengurusan dan kakitangan dari Hengyi Industries, BIBD, Jabatan Tenaga dan Damai Holdings; ahli majlis dari Perusahaan Cina, Persatuan di Brunei (CEAB); dan pelatih Hengyi Industries dari UBD, PB, dan IBTE menyertai acara penanaman pokok.

Tiga spesies asli iaitu Kapur Perringgi, Kapur Paya dan Meranti Sipit Laut dipilih untuk ditanam kerana daya tahan mereka untuk hidup subur di kawasan tanah berpasir dan keadaan Hutan Simpan Berakas yang lebih kering.

Sejak penubuhannya pada Mei 2019, Hengyi Industries telah menanam dan mengekalkan

sejumlah 4,010 pokok merentasi 3.6 hektar tanah di bawah Projek Penghutan Semula, menjadikannya salah satu daripada usaha terbesar syarikat di bawah inisiatif Hengyi One Planet.

Hengyi Industries juga sedang membangunkan projek tenaga solar di Pulau Muara Besar (PMB), yang telah diteliti dan disahkan. Sejalan dengan objektif alam sekitar NBD, projek ini bertujuan untuk melindungi dan memelihara alam semula jadi di negara ini dan menyokong komitmen negara kita di bawah Perjanjian Paris, dan Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) melalui Pengurangan Pelepasan daripada Penebangan Hutan dan Hutan Program Degradasi (REDD+).

## Bersihkan hati, perbetulkan niat sebelum menjadi tetamu Allah



**YANG** Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma pada majlis tersebut (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, Ceramah Khas disampaikan Pegawai Perkembangan Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei. - Baitillahil Haram atau Tanah Suci Mekah adalah tempat yang suci lagi bersih, dan sebelum seorang Muslim itu menjadi tetamu Allah Subhanahu Wata'ala, mereka hendaklah menyediakan persiapan yang cukup khususnya dari segi jasmani, mental, spiritual atau rohani.

Antara persediaan dari segi rohani ialah niat, yang mana hati kita perlulah dibersihkan dari segala cacat cela dengan berniat ikhlas kerana Allah, dan meluruskan niat kita serta jangan ada timbul rasa bangga mahupun sedikit riak sebab kita mampu.

Perkara tersebut antara inti pati Ceramah Khas bertajuk 'Ahlan Wa Sahlan Duyuf Ar-Rahman' yang disampaikan Pegawai Perkembangan Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang pada Majlis Doa Selamat bagi bakal-bakal jemaah haji Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya bagi Tahun 1445H / 2024M.

Pada majlis yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, MTIC, di sini, Haji Awang Muhammad Najib

**Oleh :** Haniza Abdul Latif

**Foto :** Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

seterusnya menjelaskan, seorang Muslim juga perlu muhasabah diri, yang mana muhasabah umpama ubat yang pahit, tidak enak namun ia adalah penawar yang mengubati seribu satu penyakit.

Selain itu juga katanya, mereka mestilah meningkatkan amalan dengan membaca Al-Quran, qiamullail, bertafakur iaitu memperbanyakkan berzikir dan mengurangkan berfikir, serta bersedekah.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Haji Syamsul Nizam bin Haji Badar.

Seramai enam bakal jemaah haji yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya akan menunaikan fardu haji pada tahun ini.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon kesejahteraan dan keselamatan bakal-bakal jemaah haji, agar dipermudahkan segala urusan dan sentiasa dalam keadaan sihat serta memperolehi haji yang mabrur.

Turut hadir pada majlis tersebut

ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Ketua Eksekutif, pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan,

pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.





# DOA KESYUKURAN SEMPENA WTISD 2024



**YANG** Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menghadiri Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Masjid Az-Zakireen, Kampung Meragang (atas dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**MERAGANG**, Jumaat, 17 Mei. - Bersempena dengan memperingati Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Bermaklumat Sedunia (WTISD) 2024, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran hari ini di Masjid Az-Zakireen, Kampung Meragang.

Majlis tersebut dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Pengerusi AITI.

Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; dan Ketua Eksekutif AITI, Awang Ir. Haji Jailani

bin Haji Buntar.

Juga hadir termasuk pegawai-pegawai kanan dari MTIC serta wakil-wakil dari InfoCom Federation Brunei (IFB), para penyedia perkhidmatan telekomunikasi, dan industri ICT.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran dan diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Az-Zakireen, Awang Haji Nurhidayatullah bin Haji Zulkiflee.

WTISD disambut setiap tahun pada 17 Mei, bagi menandakan penubuhan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) pada 1865 ketika Konvensyen Telegraf Antarabangsa pertama ditandatangani di Paris, Perancis.

Tujuan WTISD diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran

mengenai internet dan ICT dan bagaimana ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan ekonomi, serta merapatkan jurang digital.

Tahun ini adalah tahun ke-55 WTISD diraikan sejak 1969 dan tema untuk tahun ini adalah 'Inovasi Digital untuk Pembangunan Yang Mampan (Digital Innovation for Sustainable Development)'.

Tema tersebut menekankan peranan ICT dan teknologi inovatif dalam membantu menangani cabaran dunia yang semakin mendesak, daripada memerangi perubahan iklim ke pembasmian kemiskinan dan kebuluran.

Selaras dengan visi negara kita, Wawasan Brunei 2035, pendekatan dalam inovasi digital bermula dengan kesalinghubungan.

MTIC telah berusaha dengan gigih untuk mempertingkatkan infrastruktur digital negara, untuk memastikan setiap warganegara



dan penduduk mempunyai akses kepada perkhidmatan telekomunikasi dan internet yang boleh dipercayai dan mampu milik.

Kesalinghubungan tersebut adalah tulang belakang ekonomi digital kita dan pemudah cara yang penting untuk pembangunan yang inklusif.

Sebagai contoh, penyediaan perkhidmatan mudah alih baru-baru ini di kawasan pedalaman Daerah Belait menekankan komitmen MTIC terhadap keterangkuman digital dan merapatkan jurang digital, serta memastikan manfaat kemajuan teknologi mencapai setiap pelosok negara kita.

Selain itu, penggunaan stesen pemancar berkuasa solar di kawasan-kawasan tersebut juga mencerminkan dedikasi MTIC terhadap amalan tenaga hijau dan mampan.

Di luar kesalinghubungan, usaha dalam inovasi digital juga merangkumi penggunaan teknologi pintar dalam mendigitalisasikan Perkhidmatan Awam, pendidikan,

kesihatan, keusahawanan dan banyak lagi.

Usaha-usaha tersebut bertujuan untuk memanfaatkan teknologi sebagai pemangkin pembangunan mampan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat kita.

Selain itu, melalui inisiatif seperti Anugerah ICT Brunei (Brunei ICT Awards - BICTA) dan program Startup673, MTIC memupuk budaya inovasi dan menyokong usahawan tempatan dalam membangunkan perniagaan digital, dengan itu memacu kepelbagaian ekonomi dan kemajuan teknologi dalam pelbagai sektor.

Bersempena dengan sambutan WTISD, AITI juga akan menganjurkan Persidangan dan Pameran Masa Depan Digital 2024 (Digital Future Conference and Exhibition 2024) dengan membawa topik-topik yang menumpukan kepada Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dan keselamatan siber selaras dengan tema WTISD.

## Doa Selamat bagi bakal jemaah haji PPDB



**PESURUHJAYA** Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman selaku yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.



**ANTARA** yang hadir pada Majlis Doa Selamat bagi bakal jemaah haji PPDB Tahun 1445 / 2024 di Surau Polis Gadong PPDB.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Pasukan Polis Diraja Brunei

Mohammad Irwan bin Haji Hambali bersama Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman selaku yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI).

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin Sabrina binti Abdullah Chong selaku Timbalan Yang Dipertua PEKERTI; Timbalan Penguasa Polis, Aimi Safwan bin Zalidin selaku Pengerusi BUI, para pengarah dan timbalan pengarah jabatan, ketua-ketua formasi, pegawai-pegawai pemerintah, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan anggota serta warga kakitangan awam PPDB.

Seramai tujuh warga PPDB terdiri daripada tiga pegawai dan empat anggota, bakal jemaah haji telah menerima sumbangan yang disampaikan oleh tetamu-tetamu kehormat majlis.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar, diikuti dengan penyerahan sumbangan kepada bakal jemaah haji yang diraikan, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei. - Bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar bakal jemaah haji sentiasa mendapat syafaat, perlindungan, keselamatan dan dipermudahkan segala urusan serta beroleh haji yang mabrur, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Badan Ugama Islam (BUI) mengadakan Majlis Doa Selamat bagi bakal jemaah haji PPDB Tahun 1445 / 2024 di Surau Polis Gadong PPDB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji



# PROGRAM PEMIMPIN MASYARAKAT TUTUP TIRAI



**TIMBALAN** Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Dayang Ruhaidah binti Haji Rusli hadir selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan sijil penyertaan kepada para peserta program yang turut disertai oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri dan kanan).

**Berita dan Foto : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim**

**BELAIT**, Khamis, 16 Mei. - Program Pemimpin Masyarakat (PPM) Kali Ke-2 yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah diadakan bermula pada 15 hingga 16 Mei 2024 bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait, di sini.

PPM tersebut adalah bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan (kapasiti) pemimpin masyarakat dalam kalangan Penghulu-penghulu mukim dan Ketua-ketua Kampung dalam pengurangan risiko bencana ke arah membina masyarakat yang berdaya tahan bencana.

Sepanjang program tersebut, para peserta telah mengikuti Bengkel Pertukaran Ilmu dan Sesi Dialog.

Semasa Bengkel Pertukaran Ilmu, para peserta berpeluang mendengar taklimat mengenai fungsi dan peranan agensi-agensi

berkepentingan dalam pengurusan bencana, iaitu dari NDMC, Pejabat Perubahan Iklim Brunei Darussalam, Jabatan Daerah Belait (JDB), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam (BDMD), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Perkhidmatan Teknikal (Bahagian Kaji Tanah & Kaji Selidik) Jabatan Kerja Raya.

Aktiviti dan pembentangan secara berkumpulan juga turut diadakan sebagai platform dinamik untuk pembelajaran, perkongsian ilmu dan merupakan peluang bagi para peserta program untuk membina dan mengembangkan hubungan kerjasama dalam kalangan para peserta dan fasilitator program.

Selain itu, para peserta juga berpeluang mengikuti Sesi Dialog yang diadakan bagi menggalakkan komunikasi secara terbuka, dalam membina kerjasama dan

persefahaman bersama yang menyumbang kepada hasil yang memberi kesan dan bermakna kepada para peserta program dan panel jemputan Sesi Dialog.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada majlis penutup tersebut, Timbalan Pengarah NDMC, Dayang Ruhaidah binti Haji Rusli dan seterusnya berpeluang menyaksikan tayangan video aktiviti program para peserta sepanjang dua hari dijalankan terutama aktiviti semasa Bengkel Pertukaran Ilmu dan Sesi Dialog bersama dengan para panel jemputan.

Penghulu Mukim Kuala Belait, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin selaku wakil peserta program semasa menyampaikan ucapan menjelaskan dengan adanya program seumpama tersebut, mereka dapat menimba serba sedikit ilmu mengenai risiko-risiko bencana alam dan cara-cara bagi mengurangkan risiko bencana

di negara ini.

Menurutnya, sepanjang dua hari program tersebut diadakan, para peserta memperoleh banyak informasi baharu yang telah dipelajari dan difahami selain dapat bertukar-tukar pendapat serta pengetahuan

dan gaya pemikiran yang berbeza semasa pembentangan daripada para pegawai yang dijemput dan semasa perbincangan sesama kumpulan.

Beliau berharap agar program tersebut akan kerap diadakan pada masa mendatang dalam sama-sama memperoleh impak positif daripada hasil pertukaran buah fikiran.

Majlis penutup disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dengan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta program dan sijil penghargaan kepada fasilitator program.

Seramai 18 peserta telah mengikuti PPM Kali Ke-2 tersebut yang terdiri daripada Penghulu-penghulu mukim dan Ketua-ketua Kampung di Daerah Belait selaku pemimpin masyarakat atau pemimpin akar umbi di negara ini.

Turut hadir selaku peserta program ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat; Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, selaku Ketua Kampung Bukit Sawat serta para pegawai kanan dan kakitangan dari NDMC, JDB dan agensi-agensi berkenaan.

**Selamatkan Usus Awda.**

*Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.*

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa\* Doktor awda hari ini atau layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

\*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

*Selamatkan Usus Awda*

## NDMC anjur Program Pemimpin Masyarakat

**PARA** peserta Program Pemimpin Masyarakat (PPM) semasa sesi bergambar ramai.

**BELAIT**, Rabu, 15 Mei. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menganjurkan Program Pemimpin Masyarakat (PPM) selama dua hari bermula hari ini bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait, di sini.

PPM dengan membawakan tema 'Mengukuhkan Keupayaan (Kapasiti) Pemimpin Masyarakat Dalam Pengurangan Risiko Bencana Ke Arah Masyarakat Berdaya Tahan Bencana' merupakan salah satu inisiatif program bersama pemimpin masyarakat yang dikendalikan oleh NDMC dengan kerjasama agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana.

PPM diisikan dengan beberapa taklimat daripada beberapa agensi kerajaan yang berkaitan sesi perbincangan bersama peserta dan pasca-ujian.

Sementara itu, Pegawai Pengurusan Bencana, Bahagian Planning dan Analysis, NDMC, Dayang Siti Jorahati binti



Johari dalam taklimat mengenai program tersebut antara lain menjelaskan bahawa program baharu itu mula diadakan pada 22 hingga 23 April bertempat di CAE Brunei Multi Purpose Training Centre, Rimba Gadong.

ASEAN Project Proposal yang

dihasilkan oleh salah seorang pegawai di NDMC yang telah mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Luar Negeri pada tahun 2021-2022 di bawah Program Eksekutif ASEAN, terangnya, berharap projek tersebut dihasrat untuk diaplikasikan dan

**Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim**  
**Foto : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan**

dilaksanakan di negara ini setelah menamatkan Skim LDP tersebut.

Lebih kurang 20 peserta mengikuti PPM yang terdiri daripada Yang Berhormat Ahli-

ahli Majlis Mesyuarat Negara dari Daerah Belait, Penghulu-penghulu mukim dan Ketua-ketua Kampung selaku pemimpin masyarakat atau pemimpin akar umbi di negara ini.



# FAHAMI KELAYAKAN UNIT, PATUHI PERUNDANGAN STRATA



SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan hadir mengikuti Seminar Hak Milik Strata dan Penilaian Hartanah Secara Kecerdasan Buatan.

**BERAKAS**, Jumaat, 17 Mei. - Satu kaji selidik baru-baru ini menunjukkan pendapat yang berbeza-beza mengenai kehidupan Milik Strata, dengan sebahagian besar 39.4 peratus menyatakan tidak berminat, 37.8 peratus berkecuali dan hanya 22.8 peratus bersedia untuk mencuba tinggal di perumahan Hak Milik Strata.

Justeru, memahami kelayakan unit adalah penting kerana ia mempengaruhi penilaian hartanah, memberi kesan kepada nilai pasaran dan nilai keseluruhan skim, di samping pematuan terhadap perundangan strata adalah penting kerana kegagalan untuk mematuhi peraturan boleh membawa kepada pertikaian dan penalti.

Perkara itu dijelaskan oleh Presiden Pertubuhan Institusi Geomatik Brunei (BIG), Awang Haji Mohd. Don bin Haji Omar pada pembukaan Seminar Hak

Milik Strata dan Penilaian Hartanah Secara Kecerdasan Buatan (AI) (AI for Property Valuation and Strata Title Management Program) yang diadakan di Dewan Indera Pahlawan, Pusat Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan, pada 6 Mei lalu.

Awang Haji Mohd. Don juga menambah walaupun pembelajaran mesin membawa kecekapan dan ketepatan kepada penilaian hartanah, cabaran seperti kualiti data dan pematuan peraturan mesti ditangani, namun begitu, penyepaduannya ke dalam amalan penilaian memberi janji inovasi dan penciptaan nilai.

Hadir mengikuti seminar berkenaan, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam mendukung dan membantu pihak kerajaan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat umum mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal geomatik seperti Hak Milik Strata dan Penilaian Hartanah menggunakan 'Kecerdasan Buatan' (Artificial Intelligence - AI), BIG dengan kerjasama BoVEA dan AVA-Cawangan Brunei pagi tadi menganjurkan Seminar AI for Property Valuation and Strata Title Management Program.

Seminar menumpukan dua bidang utama iaitu Penilaian Hartanah dan Pengurusan Hakmilik Strata yang mana ia adalah penting dalam bidang hartanah dan proses membuat keputusan sekitar transaksi dan pembiayaan hartanah.

Sebanyak dua topik dibentangkan oleh dua orang pakar berasingan dari Australia dan New Zealand.

Pembentangan pertama adalah

mengenai Pelaksanaan Hak Milik Strata dengan tumpuan khusus kepada pengiraan Kelayakan Unit (Unit Entitlement) yang disampaikan oleh Pengarah Thomas Gibbons Law, Auckland, New Zealand, Thomas Gibbons.

Konsep mengenai Unit Entitlement sangat penting kerana ia menggambarkan bahagian pemilikan dan liabiliti setiap pemilik dalam skim strata, di mana Thomas Gibbons juga menjelaskan implikasinya terhadap penilaian hartanah, pengurusan kewangan, membuat keputusan dan pematuan undang-undang.

Pembentangan seterusnya ialah mengenai Cerapan daripada Mengautomasikan Penilaian Harta Kediaman di Sydney yang disampaikan oleh Scientia Fellow di City Futures Research Centre, University of New South Wales, Australia, Dr. Matthew Ng yang membincangkan penggunaan algoritma pembelajaran mesin dalam penilaian hartanah.

Kaedah tradisional walaupun berkesan, boleh memakan masa dan subjektif, justeru melalui pembelajaran mesin menawarkan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

alternatif yang menjanjikan dengan mengautomasikan dan mempertingkatkan proses tersebut.

Dr. Ng juga turut membentangkan contoh pelaksanaan yang berjaya mereka lakukan di Sydney, Australia yang mempamerkan potensi algoritma ini dalam merevolusikan industri hartanah.

Melalui seminar tersebut, pihak penganjur berharap dengan ilmu yang diperoleh itu akan dapat meningkatkan kecekapan mereka dalam memberikan perkhidmatan profesional kepada klien atau pelanggan mereka sama ada di pihak kerajaan ataupun swasta.

Bagi orang ramai pula, pihak BIG menaruh harapan agar hasil seminar ini akan dapat meningkatkan pengetahuan mereka mengenai Hak Milik Strata dan Penilaian Hartanah secara AI melalui pengalaman yang dikongsikan oleh dua orang pakar itu tadi, kerana maklumat yang betul dan sahih amatlah penting dalam apa jua isu yang berkaitan dengan perkhidmatan profesional kepada klien atau pelanggan.



PARA pembentang pada seminar berkenaan (kiri dan kanan).

# UBD anjur Majlis Khas buat bakal jemaah haji

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

**TUNGKU LINK**, Jumaat, 17 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengadakan Majlis Khas bagi meraikan bakal-bakal jemaah haji Tahun 2024 untuk pegawai dan kakitangan UBD. Majlis tersebut turut diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan sempena Program Mingguan Quranic Journey universiti berkenaan.

Hadir dan seterusnya menyampaikan sumbangan pada majlis tersebut ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle. Seramai 13 kakitangan akademik dan pentadbiran UBD akan menunaikan ibadah haji tahun ini termasuk lima kakitangan antarabangsa.

Majlis tersebut juga bertepatan dengan inisiatif Program Mingguan Quranic Journey universiti yang sedang dijalankan di mana program tersebut dilancarkan pada Januari 2023.

Quranic Journey yang diadakan

setiap pagi Jumaat terdiri daripada Sesi Latihan Tilawah Al-Quran untuk pelajar, bacaan Surah Yaa Siin dan Sesi Tadabbur Al-Quran oleh penceramah terkemuka, yang menyampaikan penerokaan makna, tujuan dan ketetapan yang diperoleh daripada surah dalam Al-Quran.

Sesi ini bukan sahaja terbuka kepada Ahli UBD tetapi juga disiarkan secara langsung di akaun Instagram rasmi universiti @ubdbuzz untuk manfaat orang ramai.

Inisiatif Quranic Journey bertujuan untuk memupuk penghayatan yang lebih mendalam terhadap Al-Quran khususnya dalam kalangan kakitangan dan pelajar UBD. Ini selaras dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi sebuah Negara Zikir, yang menekankan kepentingan mengingati dan mengagungkan Allah Subhanahu Wata'ala.

The Quranic Journey memainkan peranan penting dalam membentuk bakal graduan UBD. Dengan menggalakkan pengajian dan muhasabah Al-Quran, UBD berharap dapat memperkasakan graduannya untuk menjalani kehidupan yang bermatlamat dan diberkati dengan berpandukan nilai Melayu Islam Beraja (MIB) dan moto universiti, 'Ke Arah Kesempurnaan Insan'. Sokongan ini mencerminkan komitmen UBD terhadap kesejahteraan kakitangannya dan pertumbuhan rohani mereka.



NAIB Canselor UBD hadir dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima (atas dan atas kanan).



## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Kepentingan Air Dalam Kehidupan'. Tarikh Tutup : 22 Mei 2024
2. 'Ubah Mentaliti Terokai Bidang Baharu'. Tarikh Tutup : 29 Mei 2024
3. 'Jadilah Ibu Bapa Bertanggungjawab'. Tarikh Tutup : 5 Jun 2024

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU



# LAHIRKAN PEMIMPIN BERKALIBER, PENUHI KEPERLUAN INDUSTRI

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei. - Sempena Sambutan Aidilfitri, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Brunei Darussalam (UBDSBE) baru-baru ini menganjurkan Majlis Penghargaan bersama pihak berkepentingan.

Acara yang diadakan di J Hotel Brunei, menghimpunkan hampir

200 tetamu, termasuk pemimpin industri, alumni dan pegawai-pegawai UBD.

Hadir sebagai tetamu kehormat ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Acara itu merupakan penghargaan kepada pihak berkepentingan UBDSBE, atas sumbangan mereka yang tidak

ternilai, yang telah membentuk kejayaan sekolah dengan ketara.

Dekan UBDSBE, Dr. Masairol Haji Masri, dalam ucapan penghargaan menekankan peranan penting pihak berkepentingan.

Tambahnya, kepakaran, pandangan dan rangkaian mereka adalah penting ketika UBDSBE berusaha untuk mengembangkan program mereka, untuk memenuhi keperluan industri dan pasaran

global yang sentiasa berubah.

Tema acara 'Sustainable Development Goals' (SDGs), mencerminkan komitmen UBDSBE, untuk menyediakan pemimpin masa depan yang menyumbang kepada masa hadapan yang lebih mampan.

Ia juga menyerlahkan pencapaian sekolah itu dalam akreditasi Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB), satu ciri sekolah perniagaan terbaik

dunia.

Acara itu mempamerkan program sekolah dan penyelidikan fakulti, yang sejajar dengan matlamat ini dan tema SDGs.

Melalui penglibatan pihak berkepentingan yang berterusan, UBDSBE menyasarkan untuk memastikan program dan penyelidikannya kekal sejajar dengan keperluan industri dan menyumbang secara signifikan untuk mencapai SDGs.

Akhirnya, kerjasama ini akan membantu UBDSBE membentuk pemimpin berkaliber yang menyumbang kepada masa depan yang makmur dan mampan.

UBDSBE merancang untuk menganjurkan satu siri aktiviti penglibatan pihak berkepentingan sepanjang 2024, memupuk peluang dialog dan perkongsian berterusan melalui mesyuarat tetap, kumpulan fokus dan projek penyelidikan bersama.



NAIB Canselor UBD hadir sebagai tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan bersama Pihak Berkepentingan.

## Pameran cerminkan pemikiran inovatif pelajar



PEMANGKU Naib Canselor UTB hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran Majlis Pembukaan bagi Pameran Projek UTB 2024 sempena Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2024 (kanan dan atas).

**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TUNGKU LINK**, Rabu, 15 Mei. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) pagi tadi mengadakan Majlis Pembukaan bagi Pameran Projek UTB 2024 sempena Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2024 anjuran Fakulti Kejuruteraan dan Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran (CCTL), bertempat di Dewan Serbaguna, UTB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pelancaran pameran berkenaan ialah Pemangku Naib Canselor UTB, Dr. Au Thein Wann.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Ketua Unit Keugamaan, UTB, Awang Md. Fazalley bin Haji Hidup, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Dekan Fakulti Kejuruteraan, Pengiran Dr. Seri Rahayu binti Pengiran Ya'akub selaku Penganjur Bersama pameran berkenaan.

Acara kemudiannya diakhiri dengan tetamu kehormat dijemput untuk

melawat pameran.

Di bawah tema 'Inventive Minds, Sustainable Visions: Merging Creativity and Responsibility', acara sehari berkenaan bertujuan untuk menonjolkan dan meraikan pencapaian pelajar-pelajar sarjana muda tahun akhir.

Tema ini dipilih untuk mencerminkan pemikiran inovatif pelajar dan komitmen mereka untuk mencipta penyelesaian yang bukan sahaja kreatif tetapi juga mampan, seterusnya menggabungkan kreativiti dan tanggungjawab di dalam projek mereka.

Pameran itu bukan sahaja menyediakan platform kepada pelajar untuk menyampaikan idea mereka, tetapi juga memupuk semangat kerjasama.

Ia merupakan peluang utama bagi organisasi awam dan swasta untuk mengenal pasti bakat dan meneroka potensi kerjasama, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan sektor akademik dan perindustrian.

Pameran tahun ini merupakan bukti kepelbagaian inovasi pelajar,

menampilkan sebanyak 376 projek daripada Fakulti Kejuruteraan (FEng), Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran (CCTL), Sekolah Perniagaan UTB (UTB SB), Pusat Pengajian Pengkomputeran dan Informatik (SCI), Pusat Pengajian Sains Gunaan dan Matematik (SASM), dan Pusat Pengajian Reka Bentuk (SDe).

FEng mempamerkan projek terbanyak di pameran berkenaan iaitu sebanyak 97 projek tahun akhir, dengan CCTL yang mempamerkan sebanyak tujuh projek, manakala UTB SB mempamerkan sebanyak 94 projek. SCI pula mempamerkan sebanyak 73 projek, diikuti 63 projek oleh SASM dan 42 projek di bawah SDe.

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, Dayang Musfirah binti Jabri Athaullah yang merupakan mahasiswi dari SDe, dengan projek bertajuk 'The integration of ethnic Dusun Traditional costume into modern fashion' menjelaskan projek beliau tertumpu kepada memodenkan pakaian perkahwinan tradisional Dusun.

"Saya bercadang untuk mereka

bentuk dan mencipta Koleksi Pengantin Dusun, mengubah pakaian tradisional menjadi moden dan kelihatan elegan, serta pada masa yang sama, saya juga mahu pakaian itu bermakna dan mencerminkan gaya hidup Dusun.

"Selain mengekalkan inti pati budaya suku kaum Dusun," tambahanya.

Jelasnya lagi, di antara cabaran yang beliau hadapi ialah idea untuk mereka bentuk koleksi pengantin, kadangkala apa yang dilukis tidak sepadan dengan hasilnya dan terpaksa dibuat prototaip yang baharu, selain itu cabaran seperti kos bahan seperti fabrik yang mahal dan terhad di negara ini.

"InsyaaAllah saya merancang untuk terus memperhalusi dan menginovasi reka bentuk, menjadikannya menarik. Saya juga berhasrat untuk mengembangkan koleksi saya, bukan sahaja untuk suku kaum Dusun, tetapi juga untuk suku kaum lain yang ada di Negara Brunei Darussalam".

Manakala, Awang Afdlin Saufee lylas bin Haji Mohd. Suffian, semasa


ditemu bual menjelaskan projek beliau yang bertajuk 'Riyada', merupakan platform yang memudahkan para penggiat sukan untuk menjalankan aktiviti sukan dengan menempahkan tempat, mencari rakan sepasukan serta jurulatih bagi sukan yang kurang popular (*non-mainstream sports*) di negara ini.

Selain itu, beliau menjelaskan perkhidmatan mereka juga mengadakan pertandingan atau kejohanan bagi *non-mainstream sport* berkenaan.

"Di antara *non-mainstream sports* yang kami maksudkan di sini ada seperti *softball*, *dodgeball*, tenis dan banyak lagi.

"Di antara perkhidmatan ini diadakan adalah untuk memupuk gaya hidup yang lebih sihat untuk memerangi obesiti dan meningkatkan komuniti di Negara Brunei Darussalam," jelasnya.

Di masa akan datang, beliau dan rakan seterusnya berharap untuk meneruskan lagi perkhidmatan mereka kepada sukan yang popular (*mainstream sports*) seperti badminton dan lain-lain.





## Dihukum denda, penjara akibat miliki rokok



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei. - Seorang lelaki warga tempatan, Ahmad bin Haji Othman (defendan), 63 tahun, dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND34,000 atau 14 bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda.

Majistret Abdul 'Azim bin Othman membuat keputusan tersebut selepas defendan didapati bersalah terhadap satu

pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Mengikut pertuduhan, defendan didakwa memiliki sembilan kerton dan 71 paket rokok pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), di sebuah rumah di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, Gadong pada 22 November 2022.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Manakala wang tunai sebanyak BND224.95 dan SGD1.20 dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa JKED.

## Pengawal keselamatan dipenjara, sebat kerana mencuri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei. - Mahkamah Perantaraan menjatuhkan hukuman terhadap seorang anggota pengawal keselamatan yang mencerooboh masuk ke sekolah untuk mencuri pada waktu malam.

Hakim Mahkamah Perantaraan, Hajah Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dengan dua kali sebatan ke atas defendan, Mohammad Zambri bin Haji Mahat, 32 tahun, yang ketika itu telah ditempatkan untuk bertugas di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Pendakwa Raya, Nur Hidayatul Aeny Alisha binti Haji Zullizam mendedahkan bahawa defendan telah bertugas pada 4 Mei 2024 dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang.

Walau bagaimanapun, defendan tinggal di sekolah tersebut untuk menunggu abangnya yang juga bekerja sebagai anggota keselamatan.

Semasa menunggu abangnya, defendan menerima mesej WhatsApp daripada seorang individu dan meminta defendan untuk membayar hutangnya.

Defendan berasa bimbang dan kemudian berniat untuk mencuri wang dari bilik guru bagi digunakan untuk melunaskan hutangnya.

Pada 5 Mei 2024 tengah malam, defendan telah merancang pergi ke bilik guru dan dia melihat tingkap yang tidak terkunci rapi dan membukanya secara paksa.

Defendan kemudiannya masuk dan terus memeriksa meja guru dan menjumpai satu tin tertutup untuk menyimpan wang yang mengandungi wang tunai. Defendan terus mencuba untuk membuka tin tersebut tetapi tidak berjaya dan kemudian memutuskan untuk membawa tin itu bersamanya.

Setelah itu, defendan membuka salah satu kabinet guru dan menemui 26 keping wang bernilai BND1 berjumlah BND26.

Ketika defendan hendak keluar dari bilik guru dengan membawa barang-barang tersebut, defendan melihat ada kamera CCTV di atas salah satu kabinet.

Defendan kemudian menghampirinya dan mencabut *plug* dan terus membawa kamera CCTV itu bersamanya lalu meninggalkan bilik guru melalui tingkap bersama-sama dengan semua barangan curian.

Perbuatan defendan tersebut telah dirakam oleh CCTV sehingga dia mencabutnya.

Semasa keluar dari bilik kakitangan, defendan terdengar abangnya memanggilnya dan menyebabkan defendan panik lalu terus membuang kamera CCTV itu di sekitar pondok sekolah.

Defendan kemudian meminta rakan sekerjanya membuang kamera CCTV tersebut.

Selepas itu, defendan berjaya membuka tin dan mendapati ia mengandungi duit syiling 50 sen berjumlah BND30.

Keesokan harinya, defendan kemudian menggunakan wang curi tersebut berjumlah BND56 untuk membayar hutangnya.

Semasa dalam siasatan polis, defendan mengaku melakukan kesalahan tersebut.

Tidak ada satu pun daripada barang curi tersebut yang berjaya ditemui semula.

Defendan juga tidak mempunyai sebarang rekod jenayah sebelum ini.

Siasatan polis telah membawa kepada penahanan defendan melalui rakaman CCTV.

## SESI MUZAKARAH BERSAMA PEMIMPIN SEKOLAH AGAMA



**PENGARAH** Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar selaku tetamu khas majlis menyampaikan Sijil Penghargaan kepada para penerima (atas dan bawah).

**KATOK**, Khamis, 16 Mei. - Majlis Perjumpaan Akademik bersama pemimpin-pemimpin sekolah agama diadakan pagi tadi di

Auditorium 1, Sekolah UGAMA Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

Atur cara dimuatkan dengan sesi taklimat disampaikan oleh Ketua Bahagian Sekolah UGAMA, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Awang Mohammad Ahsanul Azmi bin Haji Sarbini; dan Ketua Unit Akademik dan Peperiksaan, JPI, Dayang Sunarty binti Ahmad.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian Sijil Penghargaan bagi sekolah agama yang mencapai lulus 100 peratus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah UGAMA (SSSRU) tahun 2023 yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis, Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Sebanyak 20 buah sekolah agama mendapat 100 peratus lulus Pangkat 1 dan 39 buah sekolah agama mendapat 100 peratus lulus keseluruhan dalam peperiksaan yang lalu.



## Tingkatkan kefahaman perkhidmatan kawalan kemajuan, industri pembinaan

Siaran Akhbar : Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 Mei. - Dalam usaha berterusan untuk memberikan kefahaman mengenai perkhidmatan berkaitan kawalan kemajuan dan industri pembinaan amnya, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, Kementerian Pembangunan mengadakan Program Build Brunei Talk Series Kali Kedua bagi Tahun 2024 bermula pada 20 Mei 2024 selama empat hari bertempat di Dewan Indera Pahlawan, ABCi dari jam 8.45 pagi sehingga 12.00 tengah hari, yang dibukakan kepada orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan industri pembinaan.

Program ini memberikan peluang kepada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat sama dalam proses pembinaan mahupun terlibat dalam industri pembinaan untuk membentangkan keperluan-keperluan permohonan mahupun isu-isu semasa yang dihadapi oleh orang ramai, pemilik perniagaan mahupun syarikat-syarikat berkepentingan industri pembinaan.

Ia juga dihasratkan dapat mengeratkan kerjasama antara agensi kerajaan dan *industry players* serta memupuk semangat kerjasama, profesionalisme dan muhibah

dalam kalangan mereka.

Antara lain tema yang akan dibentangkan kali ini mengetengahkan keperluan-keperluan komersial, perkara yang perlu diambil kira bagi memulakan perniagaan, pembelian hartanah dan banyak lagi.

Orang ramai juga boleh mendapatkan pencerahan mengenai maklumat proses permohonan yang diperlukan seperti kebenaran kemajuan, Kesiapan Kemajuan (OP) dan pendaftaran Lesen Pembina.

Maklumat lanjut mengenai program berkenaan boleh didapati melalui Instagram rasmi Autoriti di @abcibrunei atau laman sesawang rasmi [www.abc.gov.bn](http://www.abc.gov.bn).









**1. Sebut Harga :**  
JDB / 5.1 / JAMUAN MEJA UTAMA / F / 2024

**Nama Projek :**  
Tawaran Menyediakan Jamuan Meja Utama Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

**2. Sebut Harga :**  
JDB / 5.2 / JAMUAN VIP / F / 2024

**Nama Projek :**  
Tawaran Menyediakan Jamuan VIP Di Dalam Dewan Santap Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

**3. Sebut Harga :**  
JDB / 5.3 / KEK PUJA USIA / F / 2024

**Nama Projek :**  
Tawaran Menyediakan Kek Puja Usia Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

**4. Sebut Harga :**  
JDB / 5.4 / MAKANAN BERPEK / F / 2024

**Nama Projek :**  
Tawaran Menyediakan Makanan Secara Berpek Berserta Air Minuman Botol Kecil Bagi Petugas-Petugas Dan Jawatankuasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

**5. Sebut Harga :**  
JDB / 5.5 / MAKANAN SECARA BUFET / F / 2024

**Nama Projek :**  
Tawaran Menyediakan Secara Buffet Bagi Latihan Untuk Peserta



**Bilangan Sebut Harga :**  
JAIN / 2 / 2 022 (03)

**Tajuk Sebut Harga :**  
Membekalkan Stainless Steel Flag Pole  
Jabatan Adat Istiadat Negara

**Tarikh Tutup / Jam:**  
21 Mei 2024 – Selasa (9.00 Pagi)



Persembahan Padang Dan Penuntut-Penuntut Semasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

**6. Sebut Harga :**  
JDB / 5.6 / AIR MINERAL / F / 2024

**Nama Projek :**  
Tawaran Membekalkan Air Mineral 350ML / 600ML Bagi Latihan Dan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

**7. Sebut Harga :**  
JDB / 5.7 / JAMUAN JEMPUTAN LUAR SANTAP / F / 2024

**Nama Projek :**  
Tawaran Menyediakan Jamuan Jemputan Luar Dewan Santap Bagi Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Bercemar Duli dan Ramah Mesra Dengan Rakyat dan Penduduk Daerah Belait

**8. Sebut Harga :**  
JDB / 5.8 / MBP(BERPEK) DAN MBF(BUFFET) / F / 2024

**Nama Projek :**  
Tawaran Menyediakan Makanan Secara Bungkus Dan Secara Buffet Bagi Persembahan Pentas Malam Perayaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Tahun Bagi Daerah Belait, 2024.

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup:**  
4 Jun 2024,  
Selasa.



**Tempat Menghantar Sebut Harga :**  
Peti Sebut Harga,  
Jabatan Adat Istiadat Negara,  
Bandar Seri Begawan BS8610,  
Negara Brunei Darussalam.



**Notis Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**  
JAIN / 24 / 1983 – 2024 (01)

**Tajuk Sebut Harga:**  
Membekal Bendera Panjang  
Jabatan Adat Istiadat Negara

**Tarikh Tutup / Jam:**  
21 Mei 2024 - Selasa (9.00 Pagi)

**Tempat Menghantar Sebut Harga:**  
Peti Sebut Harga,  
Jabatan Adat Istiadat Negara,  
Bandar Seri Begawan  
BS8610,  
Negara Brunei Darussalam.



**Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan  
Infokomunikasi  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**  
The Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of WLAN Firewall Network Security System To Enhance The Airport Networking System For Department Civil Aviation At Brunei International Airport  
TERMINAL / 2024-2025 / SH-02

**Tarikh mengambil dokumen Sebut Harga :**  
Rabu, 15 Mei 2024

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:**  
Selasa,  
28 Mei 2024

**Tarikh tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
29 Mei 2024  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**  
Vehicles Supplier / Agent Only

**Kategori :**  
Vehicles Supplier / Agent Only

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**  
28 Mei 2024,  
(Selasa)

**Bilangan Tawaran:**  
JKR/DME/BOP-ME/05/2024

**Nama Projek:**  
Membekal Kenderaan Pemeriksaan Lebuhraya, Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
11 Jun 2024  
(Selasa)  
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**Penerbitan Iklan**

**UNISSA / SB0007 / 2024 / 2025 :**  
Supply, Deliver And Install Irrigation System For Model Urban Farming System Project, Faculty Of Agriculture Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [Class: 1 & Above, Category: KPB 04, KPB 15 & E 01 Only]

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Rabu, 29 Mei 2024,  
Jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**  
V dan VI sahaja

**Kategori :**  
KA01 sahaja

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 013 /2024

**Nama Projek:**  
Pengurusan Non-Revenue Water (NRW) Bagi Sistem Bekalan Air Di Negara Brunei Darussalam (Fasa 3)

**Yuran Tawaran :**  
BND1,000.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa, 28 Mei 2024

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa, 4 Jun 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Penerbitan Iklan**

**UNISSA / SB0010 / 2024 / 2025 :**  
Pond Renovation (Stage 1) At Faculty Of Agriculture, Sinait Campus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [Class: 1 & Above, Category: KA01 Only]

**Yuran Tawaran :**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Rabu,  
29 Mei 2024,  
Jam 2.00 Petang







Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 8 Zulkaedah 1445H/17 Mei 2024M

**Umat Islam yang menunaikan ibadah haji hendaklah berkuasa dan berkemampuan, iaitu mempunyai:**



Kewangan yang mencukupi



Tubuh badan yang sihat



Perjalanan pergi dan balik dalam keadaan selamat

## HIKMAH

## Hikmah Dan Ganjaran Haji

## GANJARAN

- Bersatu haluan dalam meninggikan syiar Islam
- Berganding bahu menegakkan agama Allah
- Menjalin hubungan yang erat sesama masyarakat Islam
- Membina semangat ukhuwah dan kasih sayang

- Suci daripada dosa-dosanya seolah-olah dia kembali pada hari dia dilahirkan oleh ibunya

**Jika kita mahu memperolehi ganjaran tersebut, maka hendaklah kita mengerjakan ibadah haji dengan:**

- Ikhlas
  - Bersungguh-sungguh
  - Berhati-hati agar mendapat haji yang mabrur
- Ganjaran haji yang mabrur ialah syurga

**Apa yang boleh dibuat oleh jemaah haji:**

**Sebelum bakal-bakal jemaah haji berangkat:**

- Wajib bertaubat dengan segera dan berazam untuk tidak mengulangnya di masa-masa akan datang
- Meminta maaf dari orang yang pernah kita aniaya
- Jika ada barang yang diambil, kembalikan semula kepada tuannya/minta dihalalkan
- Amalkan cara hidup yang sihat

**Ketika menunaikan ibadah haji:**



**1** Bertawakkal/menerima sepenuhnya ketetapan dan ketentuan Allah SWT

**2**

Banyakkan bersabar dan bersyukur



**3**

Banyakkan berdoa dan beristighfar







# Ibadah haji : Satu pengorbanan

Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan sesuatu ibadah itu kepada hamba-hamba-Nya setentunya mempunyai hikmah dan ganjarannya. Begitulah juga ibadah haji.

Antara hikmah ibadah haji itu, antaranya : Bersatu haluan dalam meninggikan syiar Islam, berganding bahu menegakkan agama Allah, menjalin hubungan yang erat sesama masyarakat Islam dan membina semangat ukhuwah dan kasih sayang.

Maka alangkah beruntungnya mereka yang dapat melaksanakan ibadah tersebut khususnya kepada saudara-saudara kita yang akan mengerjakan ibadah haji pada tahun ini.

Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** “Sesiapa yang mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan perkara-perkara keji dan tidak berbuat fasik, maka dia suci daripada dosa-dosanya seolah-olah dia kembali pada hari dia dilahirkan oleh ibunya”. (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Hadis tersebut telah jelas menyatakan betapa Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan ganjaran yang sangat tinggi nilainya, siapakah yang tidak mahu dirinya suci daripada dosa? Sudah tentu setiap orang mahu dirinya bersih dan suci daripada segala dosa.

Oleh itu, jika kita mahu memperoleh ganjaran tersebut, maka kita hendaklah mengerjakan ibadah haji dengan ikhlas, bersungguh-sungguh dan berhati-hati agar ibadah haji yang dikerjakan itu mendapat haji yang mabrur. Sesungguhnya haji yang mabrur itu ganjarannya ialah syurga, tempat yang penuh dengan kenikmatan dan kebahagiaan. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** “Dan haji yang mabrur itu (yang diterima itu) tiada balasan baginya selain syurga”. (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Apabila bakal-bakal jemaah haji sudah berazam untuk menunaikan ibadah haji, maka wajiblah bertaubat dengan segera, iaitu bertaubat daripada segala dosa dan kejahatan yang telah dilakukan pada masa-masa yang lalu dan hendaklah berazam dengan tekad baharu untuk tidak lagi mengulangnya pada masa-masa yang akan datang.

Begitu juga dalam kehidupan seharian, sekiranya kita pernah menganiayai orang lain atau mengambil harta orang,

maka hendaklah bakal-bakal jemaah haji meminta maaf daripada orang tersebut, jika ada barang yang telah diambil hendaklah dikembalikan semula kepada tuannya ataupun minta dihalalkan sebelum bakal-bakal jemaah haji berangkat untuk menunaikan ibadah haji ke Tanah Suci Mekah.

Sebagaimana yang dimaklumi, bakal jemaah haji di negara ini telah pun mengikuti Kursus-kursus Ibadah Haji dengan mempelajari segala Rukun-rukun Haji, Wajib-wajib Haji, Sunat-sunat Haji dan segala adab serta perkara-perkara yang membatalkan ibadah haji. Mudah-mudahan dengan ilmu yang telah dipelajari akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan tidak terikut-ikut atau meniru-niru apa orang lain lakukan, tanpa berpandukan ilmu yang dipelajari. Para bakal jemaah haji juga perlu memastikan kesihatan masing-masing dengan mengamalkan cara hidup sihat, bersenam, menjaga pemakanan, rehat yang cukup, mengikut arahan atau nasihat doktor perubatan dan lain-lain. Ini kerana kesihatan itu sangat penting bagi memastikan bakal-bakal jemaah haji dapat melaksanakan pekerjaan-pekerjaan haji dengan sempurna. Apatah lagi, pekerjaan-pekerjaan ibadah haji tersebut sebahagian besarnya memerlukan tenaga yang bukan sedikit.

Ibadah haji itu adalah suatu penyerahan mutlak ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Menyerah yang dimaksudkan di sini ialah bertawakal atau menerima sepenuhnya ketetapan dan ketentuan Allah. Oleh yang demikian, para jemaah haji apabila berada di Tanah Suci nanti, sememangnya banyak dugaan dan rintangan yang akan dihadapi, mungkin ada yang menghadapi kepayahan dan kesulitan kerana tidak biasa dengan keadaan bersesak-sesak atau berasa kurang selesa kerana kekurangan kemudahan atau terpaksa berhadapan dengan kerenah-kerenah orang di sekeliling yang mungkin tidak menyenangkannya dan sebagainya.

Maka dalam hal ini, benteng yang paling penting ialah sifat sabar dan sentiasa bersyukur, jangan mudah mengeluh ataupun merungut. Banyakkanlah bersabar dan bersyukur kerana hanya dengan bersifat demikian para bakal jemaah haji sekalian akan dapat menghadapi apa juga masalah, rintangan

dan cubaan yang timbul dengan tenang dan penuh kesabaran. Anggaplah ia sebagai satu ujian dan dugaan yang perlu dihadapi jika mahu mendapat ganjaran haji yang mabrur sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketika para bakal jemaah haji wukuf di Arafah nanti perbanyakkanlah berdoa dan beristighfar dengan penuh khushyuk dan tawaduk, merendah diri ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keikhlasan dan keinsafan, baik untuk diri sendiri, kedua-dua ibu bapa, kaum keluarga dan seluruh umat Islam dengan harapan semoga doa-doa yang dipohonkan akan diterima dan dimakbulkan.

Kita tahu bukan semua orang berpeluang untuk menunaikan ibadah haji, apatah lagi ibadah tersebut memerlukan banyak perbelanjaan dan pengorbanan. Oleh itu, saudara-saudara kita yang berpeluang dan dapat mengerjakan haji pada tahun ini sangatlah beruntung, maka kerjakanlah ia dengan bersungguh-sungguh, jangan disia-siakan kesempatan yang diperoleh itu dan bagi yang belum berpeluang untuk menunaikan haji pada tahun ini disebabkan tidak lulus ujian kesihatan atau belum mencukupi syarat kemampuan, didoakan mudah-mudahan akan tercapai pada masa akan datang.

Akhirnya, marilah kita sama-sama memanjatkan doa agar bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam khasnya dan jemaah haji seluruh dunia amnya akan dapat melaksanakan ibadah tersebut dengan sempurna, selesa dan sentiasa di bawah lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat haji yang mabrur. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** “Dan serulah manusia untuk mengerjakan ibadah haji nescaya mereka akan datang kepada-Mu (rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus (disebabkan lamanya perjalanan) yang datang dari segenap penjuru yang jauh. Supaya mereka menyaksikan berbagai-bagai manfaat bagi mereka dan menyebut nama Allah pada hari-hari yang tertentu atas rezeki yang dikurniakan kepada mereka daripada binatang ternakan (untuk dijadikan korban) maka makanlah sebahagian daripadanya dan berikanlah (sebahagian yang lain) untuk dimakan oleh orang susah lagi fakir”. (Surah Al-Hajj, ayat 27-28)

**IBADAH haji itu adalah suatu penyerahan mutlak ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Menyerah yang dimaksudkan di sini ialah bertawakal atau menerima sepenuhnya ketetapan dan ketentuan Allah. Oleh yang demikian, para jemaah haji apabila berada di Tanah Suci nanti, sememangnya banyak dugaan dan rintangan yang akan dihadapi, mungkin ada yang menghadapi kepayahan dan kesulitan kerana tidak biasa dengan keadaan bersesak-sesak atau berasa kurang selesa kerana kekurangan kemudahan atau terpaksa berhadapan dengan kerenah-kerenah orang di sekeliling yang mungkin tidak menyenangkannya dan sebagainya.**

**Maka dalam hal ini, benteng yang paling penting ialah sifat sabar dan sentiasa bersyukur, jangan mudah mengeluh ataupun merungut. Banyakkanlah bersabar dan bersyukur kerana hanya dengan bersifat demikian para bakal jemaah haji sekalian akan dapat menghadapi apa juga masalah, rintangan dan cubaan yang timbul dengan tenang dan penuh kesabaran. Anggaplah ia sebagai satu ujian dan dugaan yang perlu dihadapi jika mahu mendapat ganjaran haji yang mabrur sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.**

**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Sekarang kita sudah pun berada di bulan Zulkaedah, di mana pada kelazimannya pada bulan inilah bakal-bakal jemaah haji negara kita akan mula berangkat meninggalkan tanah air menuju ke Tanah Suci Mekah Al-Mukaramah mengunjungi Baitullah untuk menunaikan ibadah haji.

Sesungguhnya ibadah haji merupakan salah satu daripada Rukun Islam. Ia diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan dan memenuhi syarat-syarat untuk mengerjakannya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ali-Imran, ayat 97 :

**Tafsirnya :** “Dan Allah mewajibkan ke atas manusia mengerjakan ibadah haji ke Baitullah iaitu bagi sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepada-Nya. Sesiapa yang mengingkari (kewajipan ibadah haji) maka sesungguhnya Allah Maha Kaya daripada sekalian alam”.

Di dalam Al-Quran telah dinyatakan bahawa umat Islam yang akan menunaikan ibadah haji itu hendaklah berkuasa atau berkemampuan. Apa yang dimaksudkan dengan berkuasa atau berkemampuan itu ialah bakal jemaah haji hendaklah mempunyai kewangan yang mencukupi, memastikan tubuh badan sihat dan perjalanan pergi balik ketika mengerjakan ibadah haji dalam keadaan selamat.

Berkemampuan bukan setakat bererti mempunyai perbelanjaan yang cukup untuk dirinya semasa menunaikan fardu haji sahaja bahkan juga hendaklah berkemampuan untuk menyediakan nafkah dan perbelanjaan yang cukup untuk sara hidup bagi orang-orang di bawah tanggungannya yang ditinggalkan. Inilah erti pengorbanan yang harus dihadapi oleh para jemaah yang hendak menunaikan ibadah haji, mereka bukan sahaja perlu membelanjakan wang yang banyak, malahan juga turut berkorban masa dan tenaga serta perasaan kerana meninggalkan keluarga terutama anak-anak yang masih kecil semata-mata untuk menyahut seruan dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.



## REBUT PELUANG KEEMASAN MENJADI DHUYUFUR RAHMAN



**PENGARAH** Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Tarbiyah dan Doa Selamat yang diadakan di Bilik Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI (atas dan atas kanan).

**PULAIE**, Khamis, 16 Mei. - Bakal jemaah haji bertolak ke Tanah Suci adalah diistilahkan sebagai rehlah keimanan.

Rehlah haji bermaksud satu perjalanan yang memerlukan pengorbanan jiwa, emosi, harta, keluarga dan kesihatan demi pengabdian diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Justeru, para bakal jemaah haji mualaf dinasihatkan untuk memastikan peluang keemasan untuk menjadi Dhuyufur Rahman (Tetamu Allah) ini tidak dibiarkan begitu sahaja.

Perkara itu dizahirkan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin

Haji Mohd. Salleh selaku tetamu kehormat ketika menyampaikan ucapan nasihat pada Majlis Penutup Tarbiyah dan Doa Selamat yang diadakan di Bilik Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI, di sini.

Dalam ucapannya, beliau menekankan adalah mustahak sekali diingat bahawa, ibadah haji adalah Rukun Islam yang kelima, dan sebesar-besar ibadah yang dilakukan dengan harta dan tubuh badan untuk menghampirkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala ialah menunaikan fardu haji dan ia bukanlah seperti melancong ke tempat-tempat lain.

"Rebutlah peluang, waktu yang

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

ada dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, melipat gandakan amal ibadat ketika berada di Tanah Suci, seperti mengambil peluang untuk menunaikan umrah, melazimi sembahyang berjemaah di Masjidilharam dan Masjid Nabawi, dan *abiskita* juga perlu ikhlas dalam melaksanakan ibadah dan jauhkan daripada rasa riak, sombong atau bangga kerana terpilih ke Tanah Suci," ujarnya.

Seramai 20 peserta iaitu sembilan lelaki dan 11 perempuan terdiri daripada penerima-penerima Kurnia Tambang Fardu Haji daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bagi mualaf Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi telah mengikuti Tarbiyah Ibadah Haji bagi bakal jemaah haji mualaf Tahun 1445H / 2024M.

Tarbiyah Ibadah Haji bagi bakal jemaah haji mualaf Tahun 1445H / 2024M anjuran PDI melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) yang diadakan selama dua hari bermula kelmari berakhir hari ini.

Sehubungan itu, majlis penyampaian sijil kepada para peserta Tarbiyah, disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, kemudian diteruskan dengan ucapan daripada

tetamu kehormat majlis.

Program seumpama ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan situasi sebenar di Tanah Suci dan panduan ibadat haji dan umrah kepada bakal haji secara teori dan praktikal.

Di samping itu, untuk meningkatkan kefahaman dan amalan Fardu Ain bagi memastikan amal ibadah dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Melalui program berkenaan adalah diharap akan dapat membimbing para bakal jemaah haji mualaf untuk menghalusi manasik atau ibadat haji dan umrah seterusnya dapat melaksanakan dengan baik apabila tiba di tanah suci Mekah nanti dan kembali ke tanah air dengan mendapat haji yang mabrur.

## Pelancaran Pameran Manik : 1000 Tahun, 18 Mei ini

Oleh : Rohani

Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Zul-Izzi

Haji Duraman



**SIDANG Media** bagi mengumumkan Majlis Pelancaran 'Pameran Manik : 1000 Tahun' bertempat di Bilik Gegandong, Muzium Maritim Brunei Darussalam.

**SUBOK**, Khamis, 16 Mei. - Pameran bahan artifak berbentuk manik yang ditemui di empat tapak arkeologi utama di Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Tapak Kota Batu, Tapak Sungai Limau Manis, Tapak Sungai Lumut dan Kapal Karam Brunei di antara Abad Ke-10 hingga Abad Ke-17 Masihi akan dilancarkan pada Sabtu, 18 Mei 2024 sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2024.

Manakala pameran berkenaan akan dibuka untuk kunjungan orang ramai selama tiga bulan bermula 18 Mei hingga 18 Ogos 2024 bertempat di Ruang Legar, Muzium Maritim Brunei Darussalam (MMBD).

Perkara tersebut dinyatakan

oleh Timbalan Pengarah Muzium, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad semasa Sidang Media bagi mengumumkan Majlis Pelancaran 'Pameran Manik : 1000 Tahun' bertempat di Bilik Gegandong, MMBD, di sini.

Menurutnya, pameran tersebut diselenggarakan dan disesuaikan dengan tema sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2024 iaitu 'Museums for Education and Research' dan misi Jabatan Muzium-muzium (JMM) ialah untuk melindungi dan memelihara warisan tamadun negara bagi menggalakkan pendidikan serta bagi merangsang minat, cinta dan menghargai warisan tamadun negara.

"Penemuan ini membuktikan

kewujudan Brunei awal dalam menjalin hubungan negara serantau dan antarabangsa melalui hubungan perdagangan.

"Selain itu, hubungan perdagangan ini juga turut membuktikan Brunei telah mencapai era kegemilangannya pada Abad Ke-15 dengan kehadiran para pedagang Arab, Cina dan India ke Brunei dan seterusnya menjalin ikatan politik, perkahwinan dan penyebaran agama Islam sepertimana yang tercatat dalam beberapa sumber Cina, Jawa, Batu Tarsilah dan lain-lain lagi," katanya.

Pengiran Hajah Mahani seterusnya menjelaskan antara tujuan dan objektif pameran tersebut diadakan adalah untuk merangsang

minat serta cinta dan menghargai warisan negara terutama dari segi penyelidikan, pengumpulan, pemeliharaan dan penyebaran ilmu selain memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenali lebih rapat tentang penemuan koleksi artifak terutama bahan manik dari tapak-tapak arkeologi di NBD yang berusia lebih daripada 1,000 tahun di samping mengimbas kembali peranan arkeologi dalam masyarakat Brunei melalui penemuan arkeologi khususnya bahan manik.

Beliau juga turut berkata bahawa beberapa aktiviti sampingan akan diadakan sepanjang tempoh tiga bulan pameran tersebut berlangsung antaranya Program Siri Arkeologi, iaitu program sesi perkongsian mengenai penggunaan manik daripada pakar budaya di NBD termasuk dari Bahagian Arkeologi dan Monumen mengenai penemuan manik purba dari tapak-tapak arkeologi di NBD.

Tambahnya, pakar budaya juga akan mengetengahkan bahan-bahan material budaya yang diperbuat daripada manik untuk dikongsikan semasa Siri Arkeologi.

"Program ini akan diadakan pada 25 Mei, 29 Jun dan 6 Julai 2024 dengan seramai 30 peserta akan dijemput yang terdiri daripada peringkat sekolah menengah hingga Institusi Pengajian Tinggi," ujarnya.

Sementara itu katanya lagi, turut diadakan ialah aktiviti Kenali Arkeologi yang memberikan pendedahan mengenai bidang arkeologi melalui aktiviti yang

disediakan seperti mewarna, puzzle, kuiz dan sebagainya.

Aktiviti ini terangnya, boleh diikuti oleh peringkat kanak-kanak dan dewasa sementara pemenang bagi aktiviti pilihan akan menerima cenderamata dari MMBD.

"Program ini akan diadakan pada 23 Mei, 29 Mei, 20 Jun, 27 Jun, 25 Julai dan 1 Ogos 2024.

"Orang ramai yang ingin menyertai aktiviti ini boleh berkunjung ke MMBD.

"Sementara itu, jualan buku-buku terbitan JMM juga diadakan semasa majlis pelancaran itu nanti," katanya.

Pengiran Hajah Mahani juga turut mengongsikan bahawa buku aktiviti Meneroka Warisan juga akan mula dijual semasa majlis pelancaran nanti, dan ia merupakan projek pertama JMM menghasilkan sebuah buku aktiviti menggabungkan lima buah muzium, iaitu Muzium Alat Kebesaran Diraja, Muzium Teknologi Melayu, MMBD, Muzium Daerah Belait dan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Tambahnya, aktiviti berbentuk teka silang kata, dan jawapan boleh diperolehi dengan berkunjung ke muzium-muzium yang terlibat dan penyertaan dibukakan untuk orang ramai sehingga 18 Ogos 2024.

"Rancangan Oh Rupanya, adalah kerjasama antara Bahagian Etnografi dan Radio Televisyen Brunei (RTB) telah menghasilkan 28 tajuk berkaitan dengan warisan budaya *kitani* yang akan mula bersiaran melalui Rangkaian Nasional pada 18 Mei 2024, jam 11.30 pagi dan siaran ulangan pada Ahad, jam 2.30 petang dan boleh diakses melalui podcast RTBGo," ujarnya lagi.



# PROGRAM MASYARAKAT BERMAKLUMAT BERMAKLUMAT TUTUP TIRAI



PARA peserta yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) semasa bergambar ramai dan menyertai aktiviti kerja berpasukan secara berkumpulan dari Akademi Pertahanan ABDB (kanan dan atas). Sementara gambar bawah, PMB diakhiri dengan lawatan ke Bank Islam Brunei Darussalam, Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 Mei. - Para peserta yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan terus didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan maklumat melalui penerangan taklimat dan lawatan ke beberapa buah tempat.

Program dua hari itu yang berakhir hari ini disertai oleh seramai 85 peserta dari Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Terdahulu

para peserta diberikan taklimat mengenai 'Memperkasakan Kepimpinan' dari Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengenai latar belakang, struktur organisasi, fungsi dan syarat-syarat kemasukan pegawai kadet ke Akademi Pertahanan ABDB disampaikan oleh Pegawai Latihan Sekolah Pegawai Kadet ABDB, Kapten Umar Abdul Aziz bin Haji Yahya dan Penasihat Kerjaya / Pegawai Perhubungan Awam, Pejabat Pengambilan, Jabatanarah Keanggotaan, Akademi

Pertahanan ABDB, Mejar Pengiran Siti Aishah Norpemar binti Pengiran Haji Abu Bakar. Para peserta juga berpeluang menyaksikan tayangan video aktiviti-aktiviti Akademi Pertahanan ABDB dan seterusnya menyertai aktiviti kerja berpasukan secara berkumpulan.

PMB diakhiri dengan lawatan ke Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) yang mana taklimat mengenai peranan BIBD sebagai Rakan Kongsi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad, Alishahrin Haji Mumin

Kemajuan disampaikan oleh Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah.

Dalam taklimatnya, Awang Haji Mohammad Yusri antara lain menyentuh tentang komitmen BIBD dalam menyokong pihak kerajaan bagi sama-sama mencapai matlamat dan visi Wawasan Brunei 2035 melalui program-program Tanggungjawab Sosial Korporat

seperti BIBD ALAF, BIBD SEED dan Community for Brunei.

PMB merupakan usaha Jabatan Penerangan dalam menyalurkan maklumat kepada seluruh lapisan masyarakat.

Di samping itu, program ini juga menjadi salah satu platform yang unggul bagi membina jambatan yang kukuh di antara Jabatan Penerangan dan agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta.



## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

### PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



### PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi  
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan  
(Sijil berhenti Sekolah)



### PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan  
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



### PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



### PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif







# Melestarikan khazanah negara

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail  
Foto : Jabatan Penerangan

**M**UZIUM memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Bertepatan dengan namanya, muzium boleh dianggap sebagai gedung khazanah sejarah dan budaya negara. Ia memainkan peranan yang besar dalam menyimpan sejarah warisan yang sangat berharga.

Muzium bertanggungjawab dalam menyelamatkan dan memelihara warisan manusia dan persekitarannya. Aktiviti menyelamatkan dan memelihara disusuli dengan perlengkapan maklumat dan dokumentasi sebelum dibukukan dan diterbitkan untuk disebarkan kepada umum. Penyebaran maklumat dan mendidik masyarakat mengenai bidang-bidang tertentu adalah salah satu fungsi utama muzium.

## Sambutan Hari Muzium Antarabangsa

Hari Muzium Antarabangsa (HMA) diraikan oleh muzium-muzium di seluruh dunia pada 18 Mei setiap tahun. Hari Muzium Antarabangsa ini adalah salah satu inisiatif International Council of Museums (ICOM) pada tahun 1977 dalam menyeru institusi-institusi muzium seluruh negara untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan muzium, pertukaran budaya, pengkayaan budaya serta memahami dan mengadakan kerjasama dalam bidang kebudayaan.

Sejak itu, HMA disambut di seluruh dunia dengan jumlah penyertaan muzium yang semakin bertambah saban tahun. Sambutan HMA bukan sekadar sinonim sebagai sambutan tradisi yang menjadi kenangan, tetapi seharusnya dihargai kerana memperlihatkan peranan, tanggungjawab, dan pencapaian Jabatan Muzium-Muzium sepanjang tahun.

Sambutan HMA boleh dilihat sebagai peluang dan kesempatan yang sangat baik untuk pihak muzium mengorak langkah yang

lebih jauh ke arah globalisasi, bagi merancang masa depan industri permuziuman yang lebih komprehensif dan berdaya saing.

Dalam dunia teknologi hari ini yang melangkaui jarak dan sempadan, institusi muzium tidak harus ketinggalan untuk mencipta pendekatan dan sasaran baharu yang berpotensi membuka ruang dan peluang yang lebih besar untuk muzium kekal relevan dalam cabaran masa hadapan.

Dalam masa yang sama, di sebalik kemajuan teknologi yang serba canggih itu, muzium juga harus mendekati kumpulan-kumpulan minoriti bagi melengkapkan khazanahnya yang pelbagai.

Untuk tujuan itu, muzium perlu bersedia bagi menerima sasaran kelompok baharu ini dengan mencipta dan mempelbagaikan kaedah dalam menterjemah dan mempersembah koleksi mereka agar kekal relevan sebagai institusi yang mendukung warisan, sejarah dan budaya negara.

Objektif sambutan HMA adalah untuk membangkitkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan fungsi dan peranan muzium sebagai sebuah institusi yang signifikan dalam pembangunan masyarakat. Seiring dengan peredaran masa, fungsi dan peranan muzium semakin berkembang dan menjadi lebih relevan dengan kehidupan semasa masyarakat pada hari ini.

## Muzium-muzium di negara ini

Jabatan Muzium-Muzium Brunei ditubuhkan dalam tahun 1965 dan ditempatkan secara sementara di Bangunan Dewan Kemasyarakatan (sekarang Bangunan Tabung Amanah Islam Brunei), Bandar Brunei (sekarang dikenali Bandar Seri Begawan).

Bangunan Muzium Brunei dibina di Kawasan Kota Batu dalam tahun 1968 dan siap dalam tahun 1970. Ia dibuka rasmi pada 29 Februari 1972 oleh Mendiang Queen Elizabeth II.

Bagi pelawat-pelawat yang ingin mengunjungi Muzium Kota Batu terpaksa

menunda dahulu hasrat mereka itu kerana pada masa ini muzium ditutup sementara bagi kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian.

Muzium Teknologi Melayu dibuka rasmi pada 29 Februari 1988 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Muzium ini mempamerkan pelbagai teknologi tradisi yang digunakan oleh penduduk tempatan di Negara Brunei Darussalam. Muzium ini banyak mempamerkan teknologi-teknologi tradisi yang digunakan oleh penduduk di Kampong Ayer dan masyarakat tempatan yang tinggal di kawasan darat.

Sebuah lagi muzium yang juga terletak di Kota Batu ialah Muzium Maritim Brunei Darussalam dan merupakan repositori sejarah maritim yang mengandungi peninggalan artifak dan pertukangan maritim dari pelbagai era. Ia dibangunkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dengan peruntukan BND5 juta di atas tanah seluas 3.53 hektar (8.74 ekar).

Muzium Alat Kebesaran Diraja dirasmikan pada 30 September 1992 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Reka bentuk bangunan Muzium Alat Kebesaran Diraja menggabungkan ciri-ciri konsep Melayu Islam Beraja dan mempamerkan alat-alat kebesaran serta perhiasan diraja Negara Brunei Darussalam.

## Aktiviti-aktiviti muzium

Usaha-usaha pemuliharaan dan

penyelidikan yang dijalankan oleh pihak muzium dapat membuka mata masyarakat betapa perlunya budaya warisan dipelihara. Kepentingan memelihara budaya warisan dapat dilihat dalam beberapa pameran yang diungkapkan untuk membangkitkan semangat kesedaran dan kecintaan masyarakat terhadap budaya warisan sendiri seperti pameran permainan tradisional. Mengekalkan warisan budaya dengan mengangkat permainan tradisional negara kita setentunya dapat mengekalkan imej negara.

## Muzium sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran

Melalui aktiviti muzium, seseorang itu dapat belajar untuk mengenali diri sendiri dan orang lain. Bahan pameran yang dipertontonkan memberi peluang kepada setiap anggota masyarakat untuk mengenali budaya keturunan atau bangsa lain. Hal ini dapat memupuk semangat kekitaan.

Sebagai institusi pendidikan dan pembelajaran muzium, ia dapat menyemai semangat kekitaan dan bangga terhadap tanah air. Selain itu, para pelawat juga berpeluang mengambil iktibar daripada sejarah lampau, mengenai tokoh-tokoh dan pahlawan negara malah perkembangan teknologi.

## Kesimpulan

Institusi muzium semakin berkembang dengan pesat dan maju sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini. Peningkatan kesedaran orang ramai terhadap peranan dan fungsi muzium yang dilihat semakin mencabar dalam meniti arus kemajuan dan globalisasi menjadi pemacu untuk terus mempertahankan warisan negara kita melalui pameran-pameran artifak, dokumentasi-dokumentasi serta kesan-kesan sejarah yang dipelihara untuk menjadi bahan rujukan generasi akan datang.







# Beri kemahiran dalam pemuliharaan marin, terumbu karang

Oleh : Ak. Jeffery Pg. Durahman, Poni Divers  
Foto : Ihsan Poni Divers

**P**ONI Divers melancarkan program latihan eko terumbu karang baharu di Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai pusat rakan kongsi Reef Guru. Kursus Reef Guru Coral Diver ialah program penyelam karang antarabangsa dalam talian yang pertama di negara ini dengan teori dan bilik darjahnya dijalankan dalam talian, manakala komponen praktikal menyelam diajar oleh tenaga pengajar Reef Guru bertauliah di Poni Divers.

Reef Guru ialah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berpangkalan di United Kingdom dengan misi untuk menyediakan pendidikan kepada orang ramai tentang terumbu karang dan juga menawarkan kemudahan menyelam di seluruh dunia, Program Conservation Diver & Restoration Diver, untuk melibatkan penyelam dalam kerja pemulihan terumbu karang dan membantu terumbu tumbuh subur.

Penyelam Reef Guru pertama telah disahkan di NBD pada 5 Mei 2024 di mana lapan Penyelam Pemuliharaan Reef Guru dan dua Penyelam Restorasi Reef Guru melalui pengalaman langsung di Tapak Semaian Karang Poni Divers di Pelong Rock yang dilakukan oleh Instruktur Reef Guru, Maclen Torres dengan sokongan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Poni Divers dan Pengasas Yayasan Poni, Awang Mohd. Tahsin Wong bin Abdullah dan bimbingan daripada Pengasas Bersama Reef Guru dan Ahli Biologi Marin, Grace Phillips dan Lucy Fisher.

Lima daripada Reef Guru Conservation

Divers adalah daripada SC Tubular Solutions (B) Sdn. Bhd. (SCTSB) yang sedang melengkapkan komponen pendidikan penanaman karang dalam Program SCTSB Reef Ball School dengan lima peserta lain yang terdiri daripada kakitangan Poni Divers di mana mereka mempelajari tentang pembiakan karang untuk menyokong pelbagai program karang di negara ini.

Lima peserta dari Program SCTSB Reef Ball School baru-baru ini mempelajari cara menyelam dengan Kursus Pensijilan Penyelam RAID Open Water dan juga belajar cara mengenal pasti pelbagai jenis karang, ancaman terumbu karang, memasang, mengurus dan memantau tapak semaian karang, dan juga bagaimana untuk menyelamatkan karang, memecahkannya, dan menanamnya serta memulihkan terumbu karang yang terdegradasi dengan menanam serpihan karang baharu melalui Program Reef Guru Conservation Diver.

Sejak bulan Julai 2023, Poni Divers telah mengembangkan (*develop*) lebih daripada 61 bebola terumbu dan mereka akan develop bebola terumbu ke-100 sebagai sebahagian daripada pelancaran Minggu Laut Brunei.

Sepanjang perayaan seminggu itu nanti iaitu bermula 1 hingga 9 Jun 2024, dengan kerjasama bersama Jabatan Perikanan, antara pengisian Minggu Laut Brunei adalah bengkel pendidikan, pembersihan pantai, dialog dasar dan kempen advokasi belia.

Program Bebola Terumbu Brunei dilancarkan oleh Poni Divers & Poni

Foundation dengan sokongan dari Jabatan Perikanan pada Julai 2023 yang lalu merupakan usaha kebangsaan untuk memperkukuh pemuliharaan marin, meningkatkan hasil tangkapan nelayan dan mengurangkan kesan kenaikan paras laut.

Program Bebola Terumbu Brunei adalah program di bawah Laut Brunei (yang melambangkan Penjagaan Harta Bawah Laut Brunei), inisiatif pemuliharaan marin di bawah Poni Foundation, dengan misinya untuk menjaga kehidupan marin, terumbu dan kapal karam Brunei untuk generasi masa depan melalui warga sains, teknologi dan projek kerjasama.

Antara objektifnya adalah untuk membawa bersama respons pelbagai hala dengan penyelesaian cepat dan jangka panjang dengan sokongan akar umbi daripada orang ramai dan data saintifik untuk dialog dengan pihak berkepentingan bagi merespons cabaran kompleks pemuliharaan marin. Inisiatif ini sejajar dengan matlamat tindak balas iklim Brunei dan menyokong sasaran pembangunan lestari yang tertera dalam Agenda Global 2030.

Dilengkapi dengan pengetahuan dan pengalaman praktikal ini, kakitangan SCTSB akan menyokong program dan pelajarnya kerana ia melibatkan enam buah sekolah tempatan dalam beberapa bulan akan datang, sebagai sebahagian daripada SCTSB Reef Ball School Program yang menyampaikan kemahiran kepada pelajar dan memupuk penjagaan alam sekitar.

SCTSB merupakan Syarikat Kumpulan Sumitomo Corporation yang masuk ke negara ini sebagai syarikat pelaburan langsung asing, menandatangani kontrak dengan BSP pada tahun 2014 untuk penyediaan syarikat pengurusan rantaian bekalan yang membekalkan barangan tiub negara minyak (OCTG) tempatan untuk BSP menyumbang kepada pekerjaan tempatan, menyokong Wawasan Brunei 2035 yang lebih luas. Komitmen SCTSB terhadap pemuliharaan marin melangkaui pendidikan.

Reef Guru diasaskan bersama pada 2016 oleh dua Ahli Biologi Marin Inggeris, Grace Phillips dan Lucy Fisher. Mereka pertama kali bertemu sedekad yang lalu di University of Plymouth, UK, di mana mereka berdua belajar dalam jurusan biologi marin dan menubuhkan Reef Guru Diver untuk melibatkan penyelam dalam pemulihan terumbu karang, dan pada masa yang sama membiayai sendiri projek pemulihan karang.

Grace juga mempunyai hubungan dengan NBD dan menyelam di negara ini pada tahun 2013 ketika melawat ayahnya yang merupakan Setiausaha Pertama di Konsulat Tinggi British pada masa itu, yang juga seorang penyelam dengan Poni Divers ketika itu.

Reef Guru mempunyai pusat rakan kongsi di Tanzania, Indonesia, Maldives, NBD, dan tidak lama lagi di Republik Filipina serta turut menawarkan pelbagai program pemuliharaan karang untuk kanak-kanak.







## ANGKA KEMATIAN AKIBAT BENCANA ALAM DI BRAZIL MENINGKAT KEPADA 151

SAO PAULO, 17 Mei. - Seramai 151 orang terkorban setakat ini akibat bencana alam terburuk pernah melanda selatan Brazil manakala 104 lagi masih hilang, menurut Agensi Pertahanan Awam

pada Khamis.

Dalam tempoh 24 jam lepas, bilangan mangsa yang meninggal dunia telah meningkat dari 149 ke 151 orang apabila 458 daripada 497 bandar di negeri Rio Grande do Sul

mengalami banjir teruk, termasuk ibu kota Porto Alegre, lapor Xinhua.

Menurut laporan terkini Agensi Pertahanan Awam, lebih 2.28 juta penduduk telah terjejas secara langsung oleh bencana itu di

negeri yang bersempadan dengan Argentina dan Uruguay dan merupakan pusat perniagaan hasil pertanian Brazil serta pengeluar beras terbesar di Amerika Latin.

Hujan lebat yang bermula pada 29 April mencetuskan banjir dan gelongsoran lumpur mengakibatkan kira-kira 600,000 penduduk kehilangan tempat tinggal. - ©BERNAMA

## Xi, Putin hadir rasmi tahun budaya China-Rusia

BEIJING, 17 Mei. - Upacara perasmian Tahun Budaya China-Rusia dan konsert khas bagi meraikan ulang tahun ke-75 ikatan diplomatik kedua-dua negara berlangsung di Beijing pada Khamis. Acara itu diserikan dengan kehadiran Presiden China Xi

Jinping bersama rakan sejawatnya dari Rusia Vladimir Putin.

Xi dalam ucapannya berkata hubungan China-Rusia dalam tiga perempat abad lalu memperlihatkan pengukuhan dan pengembangan persahabatan sesama jiran, koordinasi strategik komprehensif

dan kerjasama saling untung adalah selaras dengan kepentingan asas dua negara dan rakyat, serta aspirasi masyarakat antarabangsa dan arus perkembangan zaman.

Beliau menyifatkan penganjuran tahun tematik di negara satu sama

lain sebagai tradisi baik pertukaran sosiobudaya China-Rusia dan juga keistimewaan dalam sejarah perkembangan hubungan bilateral.

Menurut beliau kedua-dua pihak bakal melancarkan siri program pertukaran budaya yang berwarna-warni bagi terus mencungkil potensi kerjasama budaya sesama negara. Usaha berkenaan dipercayai akan menyuntik momentum baharu untuk mewariskan persahabatan dari generasi ke generasi dan mengukuhkan persefahaman antara rakyat dua negara.

Sementara itu, Putin berkata hubungan Rusia-China mengumpul banyak pengalaman yang bernilai sejak ikatan diplomatik dijalin 75

tahun lalu dan kini berada pada tempoh terbaik dalam sejarah.

Katanya, hubungan Rusia-China yang berlandaskan saling menghormati, sama rata dan saling mempercayai telah memacu pembangunan dua negara dan membawa limpahan manfaat buat rakyat, sekali gus menjadi suri teladan kepada hubungan antarabangsa.

Beliau turut menzahirkan kesediaan Rusia untuk memperdalam pertukaran sosiobudaya dengan China, meningkatkan pemahaman antara satu sama lain dan menggerakkan peningkatannya kerjasama bilateral. - ©BERNAMA

## Pesawat Garuda Indonesia lakukan pendaratan cemas susulan kebakaran enjin

HANOI, 16 Mei. - Sebuah pesawat yang membawa 468 penumpang dari Indonesia ke Arab Saudi melakukan pendaratan cemas pada Rabu (15 Mei) susulan kebakaran enjin, kata syarikat penerbangan Garuda Indonesia.

Syarikat itu berkata penerbangan Garuda-1105 ke Madinah -

dikendalikan oleh pesawat Boeing 747-400 - berpatah balik ke lapangan terbang asal di Makassar pada 5.15 petang (Rabu) dengan semua penumpang tidak cedera, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA).

Presiden Pengarah Garuda, Irfan Setiawati berkata keputusan dibuat juruterbang bertugas sejourus

pesawat berlepas memandangkan masalah enjin memerlukan pemeriksaan lanjut selepas percikan api dikesan pada salah satu enjin.

Sementara itu, semua penumpang telah diarahkan ke tempat penginapan sebelum menaiki penerbangan gantian pada hari yang sama. - ©BERNAMA

## Jepun : 17,000 warga emas tinggal bersendirian meninggal dunia di rumah dari Jan-Mac

TOKYO, 15 Mei. - Kira-kira 17,034 warga emas yang tinggal bersendirian di Jepun meninggal dunia di rumah antara Januari dan Mac, menurut tinjauan oleh Agensi Polis Negara (NPA) Jepun, lapor Jiji Press.

Berdasarkan data itu, jumlah kematian sedemikian pada tahun 2024 dianggarkan mencapai kira-kira 68,000 orang.

NPA menjalankan tinjauan itu

buat kali pertama di tengah-tengah perbincangan kerajaan yang berterusan mengenai kesunyian dan isolasi.

Tinjauan itu meliputi 60,466 individu yang meninggal dunia dan diuruskan oleh polis dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Daripada jumlah itu, 21,716 adalah orang yang tinggal bersendirian, termasuk mereka yang meninggal dunia akibat bunuh

diri.

Mengikut kumpulan umur, individu berusia 65 tahun ke atas menyumbang hampir 80 peratus daripada 21,716 kes, termasuk 2,080 orang yang berusia antara 65 hingga 69 tahun, 3,204 antara 70 hingga 74 tahun, 3,480 antara 75 hingga 79 tahun, 3,348 antara 80 hingga 84 tahun dan 4,922 yang berusia 85 tahun ke atas. - ©BERNAMA

## Inovasi Ekonomi Biru ASEAN tawar US\$40,000 kepada 60 inovator serantau

JAKARTA, 15 Mei. - Projek Inovasi Ekonomi Biru ASEAN menawarkan US\$40,000 kepada setiap 60 inovator yang terpilih merentasi rantau ini termasuk mereka dari Timor-Leste dalam menangani cabaran dalam ekosistem lautan dan air tawar.

Dilancarkan di Sekretariat ASEAN di ibu negara Indonesia pada Selasa dengan sokongan daripada kerajaan Jepun dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) Indonesia, projek itu menggalakkan inovator untuk menerajui kemajuan dalam sektor berkenaan.

Permohonan melalui laman sesawang [www.undp.org/indonesia/blueinnovation](http://www.undp.org/indonesia/blueinnovation) dibuka sehingga 31 Mei tengah malam waktu Jakarta, menurut kenyataan

bersama oleh ASEAN dan UNDP Indonesia pada Rabu.

Mereka berkata pasukan yang menang akan menerima bimbingan selama enam bulan untuk memasak penyelesaian mereka dan membentangkannya kepada komuniti perniagaan, pemberi dana dan pelabur, memudahkan akses kepada pelaburan biru di rantau ini.

Organisasi itu menegaskan bahawa rantau ini membawa kepada potensi maritim global dengan sumber marin bernilai sehingga US\$2.5 trilion setahun, membentuk lima peratus daripada ekonomi dunia.

Walaupun dengan potensi ini, cabaran seperti penangkapan ikan berlebihan, kemusnahan habitat dan pencemaran marin mengancam kehidupan marin yang memerlukan

usaha kerjasama segera untuk melindungi ekosistem marin.

Setiausaha Agung ASEAN, Dr Kao Kim Hourn dalam ucapan pembukaannya, berkata projek itu diadakan tepat pada masa ketika rantau ini bersiap sedia untuk melaksanakan Rangka Kerja Ekonomi Biru ASEAN.

"Projek itu bertujuan bukan sahaja untuk meningkatkan pengeluaran ekonomi sektor marin tetapi juga untuk meningkatkan daya tahan masyarakat pesisir terhadap perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar," katanya.

UNDP telah menyokong sektor biru di seluruh dunia, menggerakkan lebih dari US\$1 bilion untuk perlindungan dan pemulihan lautan di lebih 100 negara selama lebih 25 tahun. - ©BERNAMA

## 6,600 penduduk dipindahkan ekoran kebakaran

### hutan di barat Kanada

OTTAWA, 15 Mei. - Kira-kira 6,600 penduduk di wilayah Alberta, barat Kanada telah dipindahkan susulan kebakaran hutan yang marak, lapor Xinhua memetik media tempatan pada Selasa.

Majlis perbandaran Wood Buffalo mengeluarkan arahan pemindahan pada petang 14 Mei selepas mengisytiharkan darurat kecemasan tempatan, lapor CBC News.

Arahan pemindahan itu berkuat kuasa bagi kawasan-kawasan perumahan Beacon Hill, Abasand, Prairie Creek dan Grayling Terrace.

Beberapa kawasan perumahan di Fort McMurray sedang dipindahkan untuk memberi laluan kepada pasukan bomba.

Penduduk di zon pemindahan diarah mengosongkan kediaman mereka pada 4 petang waktu tempatan.

Menurut pihak berkuasa, sebanyak 134 kebakaran sedang aktif di seluruh negara pada Selasa dengan 43 kebakaran dikategorikan sebagai tidak terkawal.

Kerajaan Kanada memberi amaran bahawa suhu melebihi paras normal di seluruh negara boleh membawa kepada risiko kebakaran yang lebih besar. - ©BERNAMA

## Habitat monyet terancam 'Tricolour Langur' akan diwartakan

KUCHING, 15 Mei. - Jabatan Hutan Sarawak akan mewartakan kawasan hutan seluas kira-kira 845 hektar di Sungai Selai Inah, Jemoreng, Matu yang menjadi habitat monyet terancam Tricolour Langur.

Timbalan Premier yang juga Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata kawasan tersebut akan diwartakan sebagai kawasan hutan dilindungi.

Beliau berkata keputusan itu dibuat susulan penemuan habitat monyet dengan nama saintifik *Presbytis chrysomelas cruciger* itu semasa ekspedisi saintifik dilaksanakan di kawasan tersebut.

"Penemuan itu telah diterbitkan pada 27 Mac 2024 dalam jurnal antarabangsa iaitu Check List - The Journal of Biodiversity Data. Spesis tersebut hanya pernah dijumpai di Taman Negara Maludam.

"Untuk makluman, monyet yang unik itu dikategorikan sebagai spesis terancam secara kritikal dalam International Union for Conservation of Nature Red List serta spesis terlindung dalam Wild Life Protection Ordinance, 1998," katanya ketika menggulung perbahasan bagi kementerianannya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak hari ini. - ©BERNAMA



# SEKOLAH SUKAN BENAM AKSE BERSATU, 5-1



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hadir selaku tetamu kehormat majlis.



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 Mei. - Pasukan bola sepak Sekolah Sukan beraksi dengan cemerlang setelah menewaskan AKSE Bersatu dengan jaringan 5 - 1 pada Kejohanan Cabaran Liga Bola Sepak Belia Sekolah Sukan (Sports School Youth Football League Challenge) HiTUNE yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Dalam perlawanan separuh masa pertama, Sekolah Sukan berjaya menggagalkan gawang AKSE Bersatu pada minit ke-16 melalui sepakan Awangku Iliya Adam Syuwari Pengiran Suparta menjadikan kedudukan perlawanan 1 - 0.

Selang dua minit kemudian, penjaga gol AKSE Bersatu gagal menyelamatkan bola sekali gus menambah jaringan kepada 2 - 0 kepada Sekolah Sukan melalui sepakan Muhammad Shaqeel Qays Wafri Mohamad Suhardi.

Kedua-dua pasukan bertungkus-lumus menambah gol namun kedudukan 2 - 0 kekal sehingga tamat separuh masa pertama.

Dalam babak kedua perlawanan menyaksikan Sekolah Sukan

**SUASANA** semasa perlawanan berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Alishahrin Haji Mumin, Ihsan @shoot\_by\_bling

terus mendominasi permainan dan menambah lagi jaringan pada minit ke-54 hasil jaringan Mohammad Akmal Amirul Syazlan Mohamad Sairual Rizal menjadikan kedudukan perlawanan 3 - 0.

Sementara Muhammad Shaqeel Qays Wafri sekali lagi beraksi cemerlang setelah berjaya menghasilkan gol keempat bagi Sekolah Sukan pada minit ke-56.

Manakala, Muhammad Darwish Izzat Keairol memastikan tiga mata milik Sekolah Sukan setelah berjaya menjaringkan gol kelima pada minit

ke-73 menjadikan jaringan 5 - 0.

Meskipun ketinggalan lima gol, namun AKSE Bersatu berjaya menjaringkan gol tunggal melalui sepakan Muhd. Amin Zikry Ramlan pada masa kecederaan.

Kedudukan 5 - 1 kekal hingga tamat separuh masa kedua, sekali gus memberikan tiga mata penuh kepada Sekolah Sukan.

Perlawanan seterusnya akan diadakan pada 18 Mei 2024 di Padang 'A', FABD, di antara JPKK dengan Dash Football Academy.

## SM SMJA, SMPAPRSB kongsi mata



ANTARA aksi semasa Perlawanan Bola Sepak Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSFSL) 2024 yang berlangsung di Padang Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (atas dan bawah).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BERAKAS,** Khamis, 16 Mei. - Pasukan Sekolah Menengah Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) dan pasukan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (SMPAPRSB) berkongsi satu mata setelah terikat 0 - 0 pada Perlawanan Bola Sepak Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSFSL) 2024 yang berlangsung baru-baru ini di Padang Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

Sementara itu, pada perlawanan di Kompleks Sukan Tutong, Sekolah Menengah Tanjong Maya (SMTM) menewaskan Sekolah Menengah Katok (SMK) dengan jaringan 4 - 2.

Tiga jaringan gol buat SMTM disumbangkan oleh Shahrol bin Yatek pada minit pertama, ke-5 dan ke-37, manakala Roznordy Asrique Eirzashrizanniozy bin Rozy menyumbangkan gol pada minit ke-26.

Sementara itu, jaringan pertama untuk SMK dihadiahkan oleh Mohamad Safwan Wa'idz bin Abdul Aziz pada minit ke-19 dan jaringan kedua oleh Muhd. Syazrul Redzuan bin Ardy Iswandy pada minit ke-40.

Kejohanan tersebut antara lain bertujuan untuk mengenal pasti pelajar-pelajar yang berpotensi dan berbakat dalam sukan bola sepak untuk mewakili Pasukan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSB) ke kejohanan-kejohanan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa, selain meningkatkan dan mengukuhkan rangkaian kerjasama antara institusi-institusi pendidikan dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha menerapkan pendidikan melalui sukan bola sepak.

Perlawanan BDSFSL 2024 seterusnya akan menyaksikan Pasukan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan bertemu Pasukan SM Berakas di Padang FABD dan SM Muda Hashim dengan SMTM di Kompleks Sukan Tutong, pada Isnin, 20 Mei 2024.



## PEMODA sertai Balkan Ride 2024



TIGA Ahli Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) mewakili Negara Brunei Darussalam bagi menyertai Balkan Ride 2024 (Overlander Ride) yang diadakan bermula dari 16 Mei 2024 hingga 2 Jun 2024.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ihsan Persatuan Motosikal Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 Mei. - Tiga Ahli Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) mewakili Negara Brunei Darussalam bagi menyertai Balkan Ride 2024 (Overlander Ride) yang diadakan bermula dari 16 Mei 2024 hingga 2 Jun 2024.

Haji Abu Bakar bin Haji Md. Arshad merupakan Ahli Kehormat yang juga mantan Yang Dipertua persatuan berkenaan, Md. Ali bin Haji Radin dan Pengiran Mohd. Yamin bin Pengiran Damit adalah tiga Ahli PEMODA yang menyertai acara tersebut.

Ketiga mereka ini sering menyertai acara atau program

bermotosikal di luar negara.

Mereka berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei petang tadi yang mana penerbangan pertama adalah menuju ke Kuala Lumpur, Malaysia dan kemudian berkumpul bersama para penunggang motosikal dari negara berkenaan sebelum meneruskan penerbangan ke Doha, Qatar dan meneruskan penerbangan ke Croatia bagi memulakan acara bermotosikal tersebut.

Balkan Ride 2024 (Overlander Ride) tersebut meliputi lebih 10 buah negara iaitu Croatia, Bosnia, Bulgaria, Hungary, Albania, Macedonia, Romania, Austria, Greece, Montenegro, Slovakia dan

Kosovo.

Penyertaan tersebut juga adalah bagi menzahirkan rasa kasih yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-78 Tahun dan Sambutan Ulang Tahun PEMODA yang Ke-28 tahun ini.

PEMODA dalam masa akan datang akan terus bergiat aktif dalam sama-sama membarigakan rasa minat terhadap motosikal berkuasa tinggi kepada penunggang-penunggang dengan mengadakan program-program dan aktiviti-aktiviti di dalam dan luar negara.





ePaper Pelita Brunei



## PLATFORM CUNGKIL BAKAT PEMAIN BERPOTENSI



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir menyaksikan perlawanan CHSK Badminton Brunei Terbuka Kebangsaan 2024 yang berlangsung di Dewan Sekolah Chung Hwa Kiudang.

TUTONG, Khamis, 16 Mei. – CHSK Badminton Brunei Terbuka Kebangsaan 2024 membuka tirainya malam tadi dengan menyaksikan aksi hebat para pemain tempatan.

Antara kategori yang dipertandingkan ialah Terbuka Lelaki 'A', Terbuka Lelaki 'B', Terbuka Beregu Campuran dan Terbuka Beregu Lelaki.

Perlawanan tersebut berlangsung di Dewan Sekolah Chung Hwa Kiudang, di sini.

Antara yang hadir menyaksikan perlawanan tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub yang juga selaku Penghulu Mukim Ukong; Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan yang juga selaku Ketua Kampung Sengkarai; dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi perlawanan.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

CHSK Badminton Brunei Terbuka Kebangsaan 2024 diadakan selama empat hari dan akan berakhir pada 19 Mei ini.

Kejohanan tersebut mempertandingkan sebanyak 17 kategori dengan semua pemain negara ini mempamerkan kemahiran dan semangat badminton.

CHSK Badminton komited terhadap pencarian dan pembangunan bakat pemain badminton di negara ini.

Di samping itu, CHSK Badminton juga berusaha untuk menjadi platform untuk pendedahan pemain, selain komited untuk menganjurkan sekurang-kurangnya sekali setahun Kejohanan Badminton Brunei Terbuka Kebangsaan supaya dapat menetapkan kedudukan pemain dalaman untuk rujukan sukan masa hadapan.

## Memperkasa landskap bola sepak, sokong inisiatif sukan belia

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mei. - Kumpulan Syarikat HiTUNE, adalah sebuah Syarikat Bumi-Putera tempatan yang mempunyai anak-anak syarikat yang menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti Pengurusan Hartanah dan Harta, Kursus Latihan Peribadi dan Profesional dan Pembangunan, Pengurusan Acara, Perundingan Perniagaan dan Perkhidmatan Proses Dokumentasi termasuk Pakaian Fesyen Moden dan Perkhidmatan Penyesuaian Lori Mudah Alih.

Salah satu Kumpulan Syarikat HiTUNE, Yakin Football League Company adalah anak syarikat di bawah Bahagian Sukan HiTUNE.

Yakin Football League Company dengan bangganya mengumumkan kejayaan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak berkepentingan utama, yang menandakan satu langkah ke hadapan dalam pembangunan bola sepak di Negara Brunei Darussalam.

Majlis yang diadakan malam tadi di Theatre Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), menonjolkan usaha kerjasama bagi meningkatkan landskap bola sepak dan menyokong inisiatif sukan belia.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud yang sekali gus melancarkan Cabaran Liga Bola Sepak Belia Sekolah Sukan (Sports School Youth Football League Challenge) HiTUNE.

Acara pada malam itu menekankan

kepentingan perkongsian ini dalam mempromosikan bola sepak di semua peringkat.

Kemuncak acara adalah penandatanganan rasmi MoU yang ditandatangani oleh tetamu kehormat, diikuti oleh Ahli Jawatankuasa Eksekutif HiTUNE, Hernah Nur Imani binti Muhd Jeffrey; Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Waslimin bin Pengiran Haji Mohd Momin; Ketua Sekolah Sukan Brunei Darussalam, Hajah Aisah binti Haji Mohd Salleh; dan Pengerusi Yakin Football League Company, Jasisswandy bin Jasni.

Perjanjian tersebut melambangkan usaha bersatu untuk membangunkan dan menggalakkan bola sepak, menyediakan atlet belia dengan sumber dan sokongan yang mereka perlukan untuk cemerlang.

Terlebih dahulu dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi Yakin Football League Company antara lain menyatakan terima kasih kepada semua peserta dan menekankan kepentingan MoU dalam memajukan bola sepak di negara ini.

Setelah selesai menandatangani MoU, upacara berakhir dengan sesi bergambar ramai.

Majlis diserikan dengan tayangan Video Korporat yang mempamerkan misi, visi liga, dan peluang menarik yang akan dibawa kepada pemain bola sepak muda di Brunei Darussalam.

Yakin Football League Company berdedikasi untuk memupuk pertumbuhan bola sepak dan memupuk bakat pemain muda.

MoU ini merupakan komitmen kepada kerjasama dan kecemerlangan, bertujuan



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

untuk meningkatkan standard bola sepak di Negara Brunei Darussalam dan memberi inspirasi kepada generasi akan datang bintang belia bola sepak.

Cabaran Liga Bola Sepak Belia Sekolah Sukan HiTUNE akan bermula pada 17 Mei hingga 19 Julai 2024, disertai oleh sebanyak lapan buah pasukan.

## Tahukah Awda

**S**YARIKAT Anson International Sdn. Bhd. menyediakan fasiliti bersepadu penyelenggaraan marin dan pentauliahan yang pertama seumpamanya di Negara Brunei Darussalam di mana ia akan mampu menyediakan pelbagai perkhidmatan penyelenggaraan kepada kapal marin, perkhidmatan penamatan untuk struktur akhir hayat seperti aset luar pesisir dan perkhidmatan sampingan lain termasuk kejuruteraan, fabrikasi dan pengendalian sisa.

SUMBER : Pelita Brunei, Sabtu, 11 Mei 2024.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

SESUNGGUHNIA HAJI YANG MABRUR ITU GANJARANNYA IALAH SYURGA